This course aims to discuss key issues related to research in auditing profession. Emphasis will be given on the changes that occur in the profession and the factors that cause these changes. Discussion in this course includes research regarding the role of auditors in society and the level of commitment and responsibility of the audit profession.

Rujukan/ *References*

Flint, D. 1988. Philosophy and Principles of Auditing. Part 1.1 – Audit the Social Concept. McMilan Education Ltd.

Flint, D. 1988. Philosophy and Principles of Auditing. Part 1.2 – Audit the Social Concept. McMilan Education Ltd.

Dunn, J. 1996. Auditing Theory and Practice. 2nd Edition.

Artikel terpilih / *Selected articles*

EPPA6513 Seminar Percukaian/ *Seminar on Taxation*

Kursus ini bertujuan membincangkan isu-isu semasa dan terkini berkenaan teori, undang-undang dan amalan percukaian terutamanya di Malaysia, di samping melihat pilihan-pilihan dalam kaedah percukaian. Perbincangan meliputi isu-isu semasa percukaian serta kedudukan terkini tentang sistem percukaian di Malaysia. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh membincangkan secara kritis dan menyeluruh berkaitan sistem percukaian tersebut terutamanya dalam isu perancangan cukai.

The purpose of this course is to discuss current and latest issues on the theory, law and tax practices, particularly in Malaysia, apart from looking into alternative methods of taxation. Discussion will cover current issues on taxation and latest situation about the taxation system in Malaysia. After completing this course, students should be able to discuss critically and

comprehensively about the taxation system especially on the issues of tax planning.

Rujukan/ References

Malaysian Master Tax Guide. 2010. CCH Asia Limited.

Musgrave, R.A. & Musgrave, P.B. 2002. *Public finance in theory & practice*. USA: McGraw Hills.

Tahir, H.M. 1986. Pengenalan tamaddun islam dalam institusi kewangan. (*Introduction to Islamic civilization in financial institution*). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Income Tax act 1967.

Real Property Gain Tax 1976

Other related Acts.

Kes-kes pilihan dalam undang-undang hasil / *Selected cases in revenue law*.

EPPA6613 Seminar Sistem Maklumat Perakaunan ***Seminar on Accounting Information System***

Kursus ini bertujuan membincangkan tentang teori, metodologi dan isu penyelidikan dalam bidang sistem maklumat perakaunan. Perbincangan merangkumi aspek berkaitan frod dan kawalan, pembangunan sistem, pengurusan projek, e-dagang/e-perolehan, teknologi terkini, pengurusan pengetahuan dan pembuatan keputusan dengan menekankan kepentingan kemahiran dan nilai etika yang diperlukan dalam perkara tersebut. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat membincangkan peranan dan tanggungjawab akauntan dalam pembangunan sistem, mengenalpasti isu dan teori yang relevan, dan seterusnya menyediakan cadangan penyelidikan dalam bidang sistem maklumat perakaunan.

The purpose of this course is to discuss theories, methodology and issues in accounting information system research. Discussion will cover aspects on fraud and control, system development, project management, e-business/e-procurement, latest technology, knowledge management and decision making by emphasizing on the importance of skills and ethical values needed in these area. After completing this course, students should be able to discuss the role and responsibilities of accountants in the development of accounting information system, identify relevant issues and theory, and eventually prepare research proposal in the area of accounting information system.

Rujukan/ References

Artikel terpilih / *Selected articles*

Bagranoff, N.A., Simkin, M.G., & Strand, C.N. 2010. *Accounting information Systems*, 10th Ed. Wiley.

Considine, B., Razeed, A., Lee, M.T., Speer, D.M., & Collier, P.A. 2010. *Accounting information systems*, 2nd Ed. Wiley.

Laudan, K. & Laudan, J. 2012. *Management information system*, 12th Ed. Prentice Hall.

Turner, L.D., & Weickgenannt, A.B. 2010. *Accounting information systems*, Wiley.

EPPA6713 Seminar Perakaunan Sektor Awam *Seminar on Public Sector Accounting*

Kursus ini bertujuan untuk membincangkan perkembangan perakaunan sektor awam sebagai satu disiplin perakaunan. Perbincangan meliputi isu-isu utama dan kajian-kajian berkaitan perakaunan sektor awam dan bertujuan untuk mendalami pengetahuan dalam perakaunan sektor awam. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikan pengetahuan tersebut untuk membangunkan satu cadangan penyelidikan berkaitan perakaunan sektor awam.

The purpose of this course is to discuss the development of public sector accounting as a discipline of accounting. Discussion covers main issues and studies related to public sector accounting and aims to deepen knowledge in public sector accounting. After completing this course, students should be able to apply knowledge in public sector accounting in developing a research proposal related to the field.

Rujukan/ References

Tjerk Budding, Giuseppe Grossi & Torbjörn Tagesson (2015) *Public Sector Accounting*, 1st Edition. London:Routledge.

Noore Alam Siddiquee (editor) (2013) *Public Management and Governance in Malaysia; Trends and Transformations*. Oxon: Routledge.

Robert J. Freeman, Craig D. Shoulders, Gregory S. Allison , G. Robert Smith Jr. (2013). *Governmental and Nonprofit Accounting*, 10th Edition. New York: Pearson.

Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements Volume I and II (2014). New York: IFAC.

Artikel terpilih / *Selected articles*

EPPA6813 Tadbir Urus Korporat/ *Corporate Governance*

Kursus ini bertujuan untuk memberi tumpuan utama kepada penyelidikan dari pelbagai aspek urustadbir korporat dalam menyelesaikan isu urustadbir korporat yang penting kepada komkrediti perniagaan, profesion perakaunan, dan pihak awam. Ia melibatkan perbincangan teoretikal dan kefahaman perundangan tentang akauntabiliti dan urustadbir korporat. Fokus kursus adalah kepada kerangka urustadbir korporat, keperluan perundangan, peranan, tanggungjawab dan sikap serta etika pengarah, jawatankuasa audit, juruaudit dalam, dan juruaudit luar dalam tadbir urus korporat. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya mampu menganalisis isu penyelidikan semasa dan mengenalpasti kaedah yang sesuai untuk tadbir urus korporat dan mengaitkan penemuan penyelidikan kepada implikasi praktikal dan polisi.

The purpose of this course is to emphasis on research in different aspects of corporate governance in addressing various corporate governance issues that are of interests to the business commkredity, the accounting profession, and the public at large. It involves discussions on the theoretical and legal understanding of accountability and corporate governance. This course focuses on the framework of corporate governance, legal requirements, the role, responsibilities and ethical conducts of directors, audit committees, internal auditors, and external auditors in corporate governance. After completing this course, students should be able to analyse current research issues and determine the appropriate methodology for corporate governance as well as to relate research findings to practical and policy implications.

Rujukan/ *References*

Abdul Rahman, Rashidah. 2011. *Effective Corporate Governance*. UiTM: University Publication Center.

Mallin, C.A. 2010. *Corporate Governance*. Oxford: Oxford University Press

Malaysian Institute of Integrity. 2006. *Good Governance for Development*. IIM Kuala Lumpur

Wearing, R. 2005. *Cases in Corporate Governance*. Sage Publications: London
Malaysian Code of Corporate Governance. 2007. Ministry of Finance, Malaysia.

Artikel terpilih / *Selected articles*

EPPA7028 Disertasi / *Dissertation*

Calon-calon diperlukan menulis disertasi yang tidak melebihi 30,000 patah perkataan (tidak termasuk catatan, petikan, lampiran, formula, jadual, gambarajah dan lain-lain) sebagai sebahagian daripada keperluan pengijazahan

Sarjana Perakaunan, Disertasi perlu disediakan berdasarkan bidang perakaunan.

Candidates are required to write a dissertation of not more than 30,000 words (excluding notes, extracts, appendices, formulas, tables, diagrams etc.) as part of the Master of Accounting degree requirements. The dissertation should be on accounting related areas.

**EPPA 8013 Kaedah Penyelidikan Lanjutan/
Advanced Research Methods**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman dan kemahiran tentang proses menjalankan penyelidikan akademik pada tahap doktor falsafah. Pelajar akan didedahkan kepada falsafah penyelidikan perakaunan dan lain-lain yang berkaitan. Perbincangan akan meliputi pelbagai rekabentuk dan kaedah penyelidikan sesuai untuk penyelidikan tahap doktor falsafah. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat mengenalpasti dan membincangkan pelbagai rekabentuk dan kaedah penyelidikan yang sesuai untuk menjalankan penyelidikan.

The aim of this course is to instill understanding in students on the process of conducting academic research at the level of doctor of philosophy. Students will be exposed to the philosophy of research in accounting and other relevant areas. Discussion will cover various research designs and research methods suitable for doctor of philosophy research. After completing this course, students should be able to identify and discuss suitable research designs and methods for the purpose of conducting research.

Rujukan / References

- Bryman, A. & Bell, E. 2007. *Business research method*. Oxford: Oxford University Press.
- Hair, J. F., Tatham, R. L., Anderson, R. E. & Black, W. 2007. *Multivariate data analysis*. USA: Prentice Hall.
- Punch, K. F. 2006. *Developing effective research proposals*. London: Sage Publications.
- Pusat Pengurusan Siswazah, UKM 2006. Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM.
- Sekaran, U. 2002. *Research methods for business: a skill building approach*. USA: John Wiley & Sons.
- Smith, M. 2003. *Research methods in accounting*. London: Sage Publications.

EPPA8023 Analisis Kuantitatif Dan Kualitatif/ *Quantitative and Qualitative Analyses*

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada dua bentuk analisis yang utama iaitu analisis kuantitatif yang berasaskan pengukuran objektif dan analisis kualitatif yang berkaitan dengan penilaian subjektif terhadap sikap, pendapat dan gelagat. Perbincangan pendekatan analisis kuantitatif merangkumi kaedah penganggaran dan analisis multivariat. Perbincangan pendekatan analisis kualitatif meliputi teknik pengumpulan data melalui kumpulan fokus, teknik pemerhatian dan teknik temubual intensif. Pelajar juga akan didedahkan kepada kaedah analisis kajian kes dan 'grounded theory' yang merupakan antara dua kaedah kualitatif yang biasa digunakan dalam penyelidikan perakaunan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya mendapat ilmu tentang cara mengabungkan kedua-dua analisis ini dalam sesuatu kajian penyelidikan bagi membantu memperolehi penemuan penyelidikan yang lebih baik.

The aim of this course is to expose students to two forms of analysis, namely quantitative analysis which is based on objective measurement and the qualitative analysis which is based on subjective assessment of attitudes, opinions and behavior. Discussions on the quantitative analysis approach include estimation method and multivariate analysis. Discussions on the qualitative analysis approach include technical data collection through focus groups, observation techniques and intensive interview technique. Students are also exposed to case studies methods of analysis and grounded theory which are commonly used in qualitative research in accounting. After completing this course, students should be able to combine the two analyses to gain better research outcomes.

Rujukan/ References

- Hair, J. F., Black, W., Babin, B.J. & Anderson, R. E. 2010. *Multivariate Data Analysis: A Global Perspective*. USA: Pearson Prentice Hall.
- Charmaz, K. 2006. *Constructing grounded theory*. London: Sage Publications.
- Robson, C. 2002. *Real world research*. 2nd Ed. Oxford: Blackworld Publishing.
- Smith, M. 2003. *Research methods in accounting*. London: Sage Publications.
- Yin, R.K. 1994. *Case study research*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Artikel terpilih / *Selected articles*

EPPA8033 Penyelidikan dalam Perakaunan/ *Research in Accounting*

Kursus ini bertujuan membincangkan perkembangan penyelidikan perakaunan dalam beberapa sub-bidang termasuk perakaunan pengurusan, percukaian, pengauditan, perakaunan sektor awam, sistem maklumat perakaunan, dan pelaporan korporat. Rujukan ke atas kajian lepas yang terpilih dibuat bagi

tujuan menilai dan menerangkan isu-isu berhubung kaedah penyelidikan yang pelbagai dalam sub-bidang perakaunan. Kursus ini juga akan mengambil kira kajian terpilih yang memberi fokus kepada amalan perakaunan yang spesifik kepada setiap sub-bidang perakaunan yang dibincangkan. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat memahami skop tinjauan kajian lepas, teori, kaedah penyelidikan dan amalan dalam sub-bidang perakaunan yang berkaitan. Pelajar hanya perlu mengikuti satu pengkhususan sahaja berdasarkan sub-bidang penyelidikan masing-masing seperti berikut:

The aim of this course is to discuss accounting research development in several sub-areas including management accounting, taxation, auditing, public sector accounting, accounting information system, and corporate reporting. Literature reviews are done on selected topics in the respective research area so that students will be able to assess and explain issues related to research methods in the various sub-field of accounting. This course will also take into account studies that focus on selected accounting practices of a specific field of accounting. After attending this course, students should be able to understand the scope on reviews of past research, theory, research methods and practices in related sub-field of accounting. Candidates are required to select one of the following specialized research areas:

Pelaporan Korporat / *Corporate Reporting*

Rujukan / *References*

Francis, J., Olsson, P. & Schipper, K. 2006. Earnings Quality. Hanover: Now Publishers Inc.

Beaver, W. H. 1998. Financial Reporting: An Accounting Revolution. USA: Prentice-Hall. Inc. New Jersey.

Belkaoui, A. R. 2004. Accounting Theory. 5th Ed. Singapore: Thomson Learning.

Makalah terpilih / *Selected articles*

Perakaunan Pengurusan / *Management Accounting*

Rujukan / *References*

Ittner, C. D., & Keusch, T. (2016). Incorporating Risk Considerations into Planning and Control Systems: The Influence of Risk Management Value Creation Objectives. *The Routledge Companion to Accounting and Risk, London: Routledge.*

Anthony, R., Govindarajan, V., Hartmann, F., Kraus, K., & Nilsson, G. (2014), Management control systems: performance measurement, evaluation and incentives' 1. *London: McGraw-Hil, 8.*

Simons, R. (2013). *Levers of control: how managers use innovative control systems to drive strategic renewal*: Harvard Business Press.

Anthony, R.N. & Govindarajan, V. 2009. *Management control system*. USA: Irwin/McGraw Hill.

Chapman, C.S., Hopwood, A.G. & Shields M.D. (eds). 2006. *Handbooks of Management Accounting Research* 1. UK: Elsevier Science & Technology.

Selected articles from journals in the management accounting and control related areas

Pengauditan / Auditing

Rujukan / References

Arens, A.A. et al. 2006. *Auditing and Assurance Services in Malaysia: an integrated approach*. 11th Ed. Malaysia: Prentice Hall.

Dunn, J. 2006. *Auditing Theory and Practice*. 2nd Ed. USA: Prentice Hall.

Flint, D. 1988. *Philosophy and Principles of Auditing*. Part 1.1 - Audit the Social Concept. USA: McMilan Education Ltd.

Flint, D. 1988. *Philosophy and Principles of Auditing*. Part 1.2 - Audit the Social Concept. USA: McMilan Education Ltd.

Messier, W.F. & Boh, M. 2006. *Auditing and Assurance Services in Malaysia*. 3rd Ed. Malaysia: McGraw Hill.

Makalah terpilih / *Selected articles*

Sistem Maklumat Perakaunan / Accounting Information System

Rujukan / References

Bagranoff, N.A., Simkin, M.G. & Strand, C.N. 2010. *Accounting Information Systems*, 10th Ed. Wiley.

Considine, B., Razeed, A., Lee, M.T., Speer, D.M. & Collier, P.A. 2010. *Accounting Information Systems*, 2nd Ed. Wiley.

Hurt, R. 2012. *Accounting Information Systems: Basic Concepts and Current Issues*. Third Edition. USA:McGraw-Hill/Irwin.

Oates, B J. 2005. *Researching information systems and computing*. First Edition. London: Sage Publications Ltd.

Myers, M. W. & Avison D. E. 2002. *Qualitative research in information systems: A reader*. First edition. London Sage Publications Ltd.

Makalah terpilih/ *Selected articles*

Perakaunan Sektor Awam / Public Sector Accounting

Rujukan / References

Jayasinghe K, Nath N. & Othman R (2015) *The Public Sector Accounting, Accountability in Emerging economies* Emerald Group Publishing Limited: Bingley, UK.

- Budding T, Grossi G & Togesson T (2015) *Public Sector Accounting*,
Routledge: New York
- Bandy, G. 2011. *Financial Management and Accounting in the Public Sector*.
Routledge, Taylor and Francis Group: London.
- Haque, Z (ed) 2006. *Methodological Issues in Accounting Research: Theories
and Methods*, Spiramus Press Ltd: London.
- Makalah terpilih / *Selected articles*

Percukaian / Taxation

Rujukan / References

- Malaysian Master Tax Guide*. 2015. CCH Asia Limited.
- Joseph E. Stiglitz and Jay K. Rosengard, 2015. *Economics of the Public Sector*,
Fourth Edition, New York: W.W. Norton & Co.
- Edwin, A. Seligman, 2012. *The Income Tax: A Study of the History, Theory,
and Practice of Income Taxation at Home and Abroad*, Berwick Smith
Co. Norwood, Massachusetts.
- Bridget J. Crawford. 2009. *Critical Tax Theory: An Introduction* 1st Edition.
Cambridge University Press.
- Kaplow, L. 2010. *The Theory of Taxation and Public Economics*. Princeton
University Press.
- Musgrave, R.A. & Musgrave, P.B. 2002. *Public finance in theory &
practice*. USA: McGraw Hills.
- Tahir, H.M. 1986. *Pengenalan tamaddun islam dalam institusi kewangan.
(Introduction to Islamic civilization in financial institution)*. Kuala
Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Income Tax act 1967.
- Real Property Gain Tax 1976.
- Other related Acts.
- Kes-kes pilihan dalam undang-undang hasil / *Selected cases in revenue law*

Tadbir Urus Korporat / Corporate Governance

Rujukan / References

- Abdul Rahman, Rashidah. 2011. *Effective Corporate Governance*. Shah Alam:
University Publication Center.
- Mallin, C.A. 2010. *Corporate Governance*. Oxford: Oxford University Press.
- Malaysian Institute of Integrity. 2006. *Good Governance for Development*. IIM
Kuala Lumpur.
- Wearing, R. 2005. *Cases in Corporate Governance*. Sage Publications: London
- Malaysian Code of Corporate Governance. 2007. Ministry of Finance: Malaysia
- Artikel terpilih / *Selected articles*

EPPA9000 Tesis / Thesis

Tesis Doktor Falsafah Perakaunan perlu disediakan berdasarkan bidang perakaunan yang diluluskan. Jumlah perkataan tesis adalah tidak melebihi 100,000 patah perkataan (tidak termasuk petikan, lampiran, formula, jadual, gambarajah dan lain-lain).

Candidates are required to write a thesis of not more than 100,000 words (excluding extracts, appendices, formulas, tables, diagrams etc.) in accounting related areas as a requirement for the Doctor of Philosophy (Accounting) degree.

PROGRAM KEUSAHAWANAN

EPPK6014 Teori, Proses dan Amalan Keusahawanan / *Theory, Process and Practice of Entrepreneurship*

Kursus ini bertujuan untuk memberikan kefahaman mengenai teori, proses dan amalan keusahawanan. Pelajar akan didedahkan dengan persekitaran dan kepentingan keusahawanan dalam dunia perniagaan hari ini, penjanaaan idea perniagaan, pengenalpastian peluang perniagaan, penyediaan konsep perniagaan, pembiayaan perniagaan, perkembangan dan pertumbuhan perniagaan dan strategi keluar/tuai. Kursus ini juga memberi pendedahan kepada isu-isu dalam keusahawanan seperti etika keusahawanan, perniagaan keluarga, penilaian dan pembelian perniagaan, perniagaan francais, dan isu-isu perundangan.

This course offered to enable students to understand the theory, process and practices in entrepreneurship. Student will be exposed to the topics such as the environment and the importance of entrepreneurship in business world, business idea generation, business opportunity recognition, business plan development, business financing, business development and growth and exit/harvest strategy. Further, this course will expose students to entrepreneurship issues such as entrepreneur ethics, family business, business evaluation, franchising business and legal issues.

Rujukan / References

- Bamford, C. E. & Bruton, G. D. 2011. *Entrepreneurship: A Small Business Approach*. McGraw-Hill.
- Baron, R.A. & Shane, S. A. 2008. *Entrepreneurship: A Process Perspective*. Ohio: Thomson.
- Barringer, Bruce R. & Ireland, R. Duane. 2012. *Entrepreneurship: Successfully Launching New Ventures*. 4th edition. Essex: Pearson Education.
- Bridge, Simon, O'Neill, Ken., & Martin, Frank. 2009. *Understanding Enterprise: Entrepreneurship and Small Business*. 3rd edition. Hampshire: Palgrave Macmillan.
- Hisrich, Robert D., Peters, Michael P. & Shepherd, Dean A. 2010. *Entrepreneurship*. 8th edition. New York: McGraw-Hill.

EPPK6024 Kewangan dan Perakaunan Keusahawanan/ *Finance and Accounting Entrepreneurship*

Kursus ini menerapkan kemahiran pelajar untuk menggunakan maklumat perakaunan dan kewangan secara komprehensif untuk tujuan pembentukan keputusan dalam pelaburan. Pengetahuan tentang jenis-jenis pembiayaan dalam menjalankan perniagaan secara strategic akan turut disentuh. Antara topik yang

diliputi termasuk menganalisis penyata kewangan, perancangan kewangan, nilai masa wang pengurusan modal kerja, strategi pelaburan, pembiayaan, dan penstrukturan perniagaan.

This course innovatively inculcates the ability among students to apply accounting and financial information for the investment decision-making process. Knowledge on the type of financing to strategically fund/finance the business will be embedded in the course. Among others, the topics covered in this course are: analysis of financial statements, financial forecasting, working capital management, investment strategy, financing, risk management and business restructuring.

Rujukan / References

- Philip J. Adelman and Alan M. Marks. 2014. Entrepreneurial Finance, 6th Edition, Prentice Hall. USA.
- Cornwall, J. R., Vang, David. O & Hartman, Jane M. 2012. *Entrepreneurial financial management, an applied approach*. 3rd Edition. M.E. Sharpe.
- J. Christ Leach and Ronald W. Malicher. 2011. Entrepreneurial Finance. 4th Edition. Cengage Learning, South-Western. USA.
- Rogers, Steven. 2009. Entrepreneurial Finance: Finance and Business Strategies for the Serious Entrepreneur. 2nd Edition. Mcgraw Hill, USA.

EPPK6034 Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan / Innovation and Creativity in Business

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman yang komprehensif kepada pelajar berkenaan kreativiti dan inovasi serta kaedah dan strategi pemikiran kritis dan inovatif dalam perniagaan. Para pelajar diterapkan dengan konsep, teori dan amalan kreativiti dan inovasi dan membincangkan sejauhmana kejayaan amalan kreativiti dan inovasi oleh usahawan lokal dan global. Antara topik yang diliputi ialah pengenalan kepada teori kreativiti dan inovasi; pembentukan organisasi kreatif; sumber-sumber dan teknik melibatkan kreativiti dan inovasi; strategi dan inovasi; inovasi dalam industri perkhidmatan; penjenamaan dan inovasi; dan perlindungan idea kreatif dan inovatif.

This course aims to provide students with methods and critical thinking skills and innovative strategies in business. The course enables students to apply the knowledge and understanding of the basic concepts and theories of creativity, innovation and critical thinking practiced by entrepreneurs. Among the topics covered are introductions to the theory of creativity and innovation; formation of creative organization; sources and techniques of creativity and innovation; innovation strategies; service innovation; branding and innovation. And the protection of creative and innovative ideas.

Rujukan / References

- Ahmed, P.K. and Shepherd, C. D. 2010. *Innovation Management: Context, Strategies, Systems and Processes*, Prentice Hall.
- Andriopoulos and Dawson. 2009. *Managing Change, Creativity and Innovation*, Sage.
- Tidd, J & Bessant, J. 2011. *Managing innovation: integrating technological, market and organizational change*. 4th Ed. West Sussex: John Wiley and Son.
- Trott, Paul. 2012. *Innovation Management and New Product Development*, Prentice Hall.

EPPK6043 Pengurusan Sumber Manusia untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana/ *Human Resource Management for Small and Medium Business*

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan mengenai konsep, prinsip, isu strategik dan taktikal berkaitan pengurusan manusia dalam perniagaan kecil dan sederhana. Ia juga melatih pelajar berfikir secara kritis dan global melalui pemahaman dan aplikasi pengetahuan sumber manusia dalam menarik, memotivasi dan mengekalkan bakat dalam organisasi.

This course aims to provide an understanding with regard to the concepts, principles, strategic and tactical issues related to human management in small and medium business. It is also to train students to think critically and universally through human management understanding and knowledge applications in attracting, motivating and retaining talents in organizations.

Rujukan / References

- Cooper, C.L & Burke, R.J. (2011). *Human Resource Management in Small Business: Achieving Peak Performance*. Kredited Kingdom: Edward Elgar Publishing Limited.
- Nayak, G. (2011). *Human Resource Management in Small Scale Industries*, New Delhi: Anmol Publications.
- Wilkinson, F. (2000). *Human Resource Management and Business Objectives and Strategies in Small and Medium Business*, England: University of Cambridge.
- Dessler, G. (2013). *Human Resource Management* 13th Ed. Boston: Pearson Education.
- Snell, S.A. & Bohlander, G.W. (2013). *Managing Human Resources*. 16th Ed. Canada: Cengage Learning.

Zafir Mohd Makhbul (2012). *Pengurusan Sumber Manusia Berdaya Saing*.
Selangor:
Penerbit UKM.

EPPK6054 Undang-Undang untuk Perniagaan / Law for Business

Matlamat kursus adalah menghuraikan kepada pelajar berhubung aspek perundangan berkaitan dengan aktiviti perniagaan. Topik-topik yang dibincangkan dalam kursus ini adalah aplikasi undang-undang berhubung keusahawanan, kontrak, pendaftaran dan penubuhan syarikat, modal perniagaan, kontrak sivil dan Islam, pembentukan lembaga pengarah, Agensi, prinsip ekuiti dan amanah, kemahiran memilih sistem perundangan, penyelesaian pertikaian alternatif, kebertanggungjawaban, perbankan, insurans, jenayah pecah amanah dan harta intelek

The course explains important legal aspects in the context of entrepreneurship. Relevant topics and areas covered in this course include the application of principles of law relating to entrepreneurship, contracts, registration and company formation, business capital, comparative civil and Islamic contracts, the formation of the board of Director, doctrine of agency, the principles of equity and trust, legal systems, alternative dispute resolution, accountability, banking, insurance, criminal breach of trust and intellectual prosperity.

Rujukan / References

- Lee Mei Pheng, & Ivan Jeron Detta. 2011. Business Law, Oxford University Press.
- Beatrix Bohrah & Wu Min Aun , 2002. Commercial Law of Malaysia, Longman Malaysia, Edisi Kedua
- Harlina Mohamad On, Ruzian Markom & Rozanan Ab Rahman, 2002. Prinsip Undang-Undang Perniagaan di Malaysia. Kumpulan Usahawan Muslim Sdn Bhd, Edisi ketiga
- Abdul Majid Nabi Baksh & Krisnan Arjunan , 2005. Business Law in Malaysia, Malayan Law Journal Sdn Bhd
- Wan Arfah Hamzah, 2009. A first look at the Malaysian Legal System, Oxford Fajar Sdn Bhd.

**EPPK6065 Merancang dan Memulakan Perniagaan (Projek Mercu)/
Planning and Strating a Business (Caps Stone Project)**

Kursus ini bertujuan untuk membimbing pelajar merancang dan memulakan perniagaan. Di dalam kursus ini, pelajar akan diberikan kemahiran meninjau dan mengenalpasti isu dan cabaran dalam memulakan usahaniaga baru. Sebagai kesinambungan daripada kursus EPPK6094 Rancangan Perniagaan Untuk Enterpris Baru, kursus ini memerlukan pelajar menyediakan rancangan perniagaan yang komprehensif meliputi aspek struktur organisasi, kewangan, pemasaran, dan pengeluaran . Di akhir kursus, pelajar diwajibkan menjual idea (*pitching*) di hadapan bakal pelabur, pemberi pinjaman, pemodal teroka, pelabur budiman dan agensi kerajaan.

The purpose of this course is to guide students to plan and start a new business venture. In this course, students will be equipped with skills to explore and identify issues and challenges in starting a new business venture. As an extension of EPPK6094 Business Plan for New Enterprise, this course requires students to develop a comprehensive business plan which includes the aspects of organisational structure, finance, marketing and production. At end of this course, students are required to pitch their business ideas to potential investors, bankers, venture capitalists, business angels and government agencies.

Rujukan / References

- John Mullins, 2010. The New Business Road Test: What Entrepreneurs and Executives should do before writing a business plan, 3rd Edition, Prentice Hall.
- Alexander Osterwalder & Yes Pigneur, 2010. Business Model Generation, John Wiley & Sons, Inc., Hoboken, New Jersey.
- Stephen Spinelli, Jr. & Robert Adams, 2012. New Venture Creation: Entrepreneurship for the 21st century, 9th edition, McGraw Hill.
- Bruce R. Barringer & R. Duane Ireland, 2012 Entrepreneurship: Successfully Launching New Ventures, 4th edition, Pearson.
- Michael Schaper, Thierry Volery, Paul Weber & Kate Lewis, 2010. Entrepreneurship and Small Business, 3rd Asia-Pacific Edition, Wiley

EPPK6073 Citra Wirausaha / Entrepreneurial Image

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan tentang nilai-nilai intrinsik usahawan, sikap prihatin dan kemahiran membina imej profesional. Antara topik yang diliputi termasuk kepentingan mempamerkan imej tanggapan pertama, komunikasi lisan dan bukan lisan, penciptaan kehadiran maya, etiket profesional, keprihatinan terhadap organisasi, masyarakat dan alam sekitar serta

kemahiran sosial. Setelah mengikuti kursus ini pelajar mengetahui dan mengamalkan citra seorang usahawan yang berjaya.

This course aims to provide knowledge about the intrinsic values of entrepreneur, concerned attitude and skills to foster professional image. Among the topics covered include the importance of showing first impression image, verbal and non-verbal communication, creation of virtual presence, professional etiquette, and concern of the society, environment and social skills. Upon completion of this course students are able to understand and practice and have feel the success of an entrepreneur.

Rujukan / References

- Bixler, S. & Dugan, L. S. 2001. *5 steps to professional presence: how to project confidence, competence and credibility at work*. Adams Media Corporation.
- Mohd Ali Hashim. 2003. *Bisnes satu cabang jihad: pembudayaan bisnes untuk survival*. Utusan Publication.
- Covey, Stephen R. 2004. *The 7 habits of highly effective people*. Simon & Schuster UK.
- Darling, D.2003. *The networking survival guide: get the success you want by tapping into the people you know*. 1st Ed. McGraw-Hill.
- Peters, T. J. & Waterman, R.H. 2004. *In search of excellence: lessons from America's best run companies*. Harper Paper Backs.

EPPK6083 Pengurusan Kualiti dan Projek Bersepadu/ *Quality Management and Integrated Project*

Kursus ini mengupas mengenai teori dan amalan pengurusan projek serta peranan dan tanggungjawab pengurus projek. Kursus ini menawarkan pendekatan praktikal dalam mengurus projek dengan penekanan kepada mengurus, merancang, mengawal projek dan kitaran hayat projek. Kursus ini merangkumi komponen utama pengurusan projek termasuk projek bersepadu, skop pengurusan projek, penjadualan projek, bajet dan pengurusan kos, pengurusan kualiti, sumber manusia, komunikasi, pengurusan risiko dan juga pengurusan pembekalan.

This course provides knowledge regarding the management of integrated project and quality programs. Specific topics discussed are high prospect project selection, and planning of a project based on allocated time and budget. Students will also be given the knowledge to manage workforce through quality

management. This involves planning assurance, quality control of projects, project management techniques and evaluation of cost and benefits of a project.

Rujukan / References

- Clements, J.P. and Gido (2012), J. Effective Project Management, 5th Edition, International Student Edition, South-Western Cengage Learning.
- Kenneth H. Rose. 2005. *Project quality management: why, what and how*; J. Ross Publishing Inc.
- Jeffrey R. Cornwall; David O. Vang; Jean M. Hartman, 2009, *Entrepreneurial financial management: an applied approach*, 2nd Edition, Sharpe, M.e., Inc.
- Timothy J. Kloppenborg & Joseph A. Petrick. 2002. *Managing project quality*. Virginia: Management Concepts.
- Ireland, L.R. 2007. *Quality management for projects and program*. Pennsylvania: Project Management Institute.

EPPK6094 Rancangan Perniagaan untuk Enterpris Baru / Business Plan for New Enterprise

Kursus ini bertujuan memperkenalkan konsep-konsep penting dalam penyediaan Rancangan Perniagaan (RP) kepada pelajar. Kursus ini memberi penekanan kepada kaedah dan teknik penyediaan Rancangan Perniagaan untuk sebuah enterpris baru. Di awal kursus, pelajar akan didedahkan dengan kajian pasaran dan kebolehungkinan untuk menyokong idea perniagaan yang dicadangkan. Seterusnya kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada penulisan rancangan operasi, rancangan pemasaran, dan rancangan kewangan. Di akhir kursus, pelajar perlu membentangkan rancangan perniagaan awal bagi tujuan penilaian.

The purpose of this course is to introduce important concepts in preparing a business plan to students. This course emphasises the techniques and methods in preparing a business plan for a new enterprise. In the first part, students will be exposed to market research and feasibility study to support the proposal of a business idea. This will be followed by business plan writing in terms of operation planning, market planning and financial planning. At the end of this course, students are required to present preliminary business plan for evaluation.

Rujukan / References

- Business Plan Project: A step by step Guide to Writing A Business Plan, David Sellars, 1st Edition, McGraw Hill 2009.

The New Business Road Test: What Entrepreneurs and Executives should do before writing a business plan, John Mullins, 3rd Edition, Prentice Hall 2010.

Introduction to Entrepreneurship, Eighth edition, South Western 2009

New Venture Creation: Entrepreneurship for the 21st century, Stephen Spinelli, Jr. & Robert Adams, 9th edition, McGraw Hill 2012.

Entrepreneurship: Successfully Launching New Ventures, Bruce R. Barringer & R. Duane Ireland, 4th edition, Pearson 2012.

EPPK6103 Pengurusan Rantaian Bekalan dan Nilai / *Value and Supply Chain Management*

Pengurusan Rantaian Bekalan (*Supply Chain Management* - SCM) adalah satu pendekatan sistem untuk menguruskan aliran keseluruhan maklumat, bahan-bahan, dan perkhidmatan dari pembekal bahan mentah melalui kilang-kilang dan gudang untuk pelanggan akhir. Topik-topik termasuk pendorong pengurusan rantaian bekalan, perolehan, perdagangan elektronik, teknologi maklumat, dan aktiviti-aktiviti logistik. Pengurusan Rantaian Bekalan mewakili falsafah menjalankan perniagaan yang menekankan proses dan integrasi. Kursus ini akan diajar dengan menggunakan bahan-bahan buku teks, bacaan di luar, kerja lapangan, penglibatan industri dan analisis kes.

Supply-chain management (SCM) is a systems approach to manage the entire flow of information, materials, and services from raw material suppliers through factories and warehouse to the final end-customer. This course will cover several topics include global supply-chain management, procurement, electronic commerce, information technology, and logistics activities. SCM represents a philosophy of doing business that focuses on processes and integration. This course will be taught through the use of textbook materials, journal article, and case analysis.

Rujukan / References

Chopra and Meindl (2013), *Supply Chain Management* (3rd Edition), Prentice-Hall.

Sinha, A and Kotzab, H (2012). *Supply Chain Management: A Managerial Approach*, McGraw Hill, International.

Chopra S. 2013, Supply Chain Management: Global Edition, (5th Edition). Prentice Hall
Patrik Jonsson. 2011. Logistics and Supply Chain Management, McGraw Hill, International Edition.

**EPPK6113 Pemasaran Untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana /
*Marketing for Small and Medium Business***

Kursus ini memberikan pengetahuan lanjutan kepada dunia pemasaran khusus untuk perniagaan kecil dan sederhana. Kursus ini menggarap elemen-elemen pemasaran inovatif dan kreatif dalam penghasilan strategi-strategi pemasaran dan pengkomersilan keluaran dan perkhidmatan khusus bagi perniagaan kecil dan sederhana. Ia membolehkan pelajar mengenali dan memahami konsep-konsep asas dan falsafah pemasaran, memberi kefahaman tentang kuasa-kuasa yang ada dipersekitaran pemasaran dan kepentingan kefahaman tentang kelakuan pengguna dalam pemasaran terutama bagi perniagaan kecil dan sederhana. Pelajar juga akan mendalami cara pihak pemasar bertindak secara kreatif dan inovatif sewaktu memetakan dan mensasarkan pasaran, serta memposisikan produk di kacamata pengguna. Di samping itu, kursus ini memupuk kefahaman dan keprihatinan pelajar terhadap isu-isu kelestarian dalam pemasaran bagi perniagaan kecil dan sederhana.

This course provides an extended knowledge to the marketing world particularly to SMEs. This course integrates the innovative and creative marketing elements in developing marketing strategies and commercialization for products and services particularly for SMEs. This enables students to identify and understand the basic concepts and marketing philosophy; provides an understanding on environmental marketing forces; and the importance of understanding consumer behavior in marketing especially for SMEs. Students will also study how marketers do market segmentation, targeting, and positioning in a creative and innovative way. In addition, this course provides the students an understanding and awareness about the issues of sustainability in marketing for SMEs.

Rujukan / References

Kotler, P. & Keller, K. 2011. Marketing Management. 14th ed. Prentice Hall.
Wilson, S. 2010. Social Media and Small Business Marketing, Create Space Independent Publishing Platform.
Anderson, D. 2012. Strategic Marketing Planning for the Small to Medium Sized Business: Writing a Marketing Plan. Business Expert Press.
Boone, L.E. & Kurtz, D.L. 2010. *Principles of contemporary marketing*. 14th Ed. South-Western Cengage Learning
Kotler, P. and Armstrong, G. 2010. *Principles of marketing*. 13th Ed. Pearson.

PROGRAM DOKTOR FALSAFAH

EPPD8013 Kaedah Penyelidikan Lanjutan /Advanced Research Method

Kursus ini bertujuan untuk membimbing pelajar memahami dan mengaplikasikan kaedah penyelidikan dimana proses bermula dengan pengenalan kepada kaedah menulis cadangan penyelidikan, kaedah menjalankan penyelidikan dan kaedah menulis manuskrip penyelidikan. Kursus ini memberi tumpuan kepada konsep dan etika penyelidikan, pengenalan kepada kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif, pernyataan masalah, persoalan kajian, hipotesis, objektif, tinjauan literatur, kerangka kerja teoritikal dan kerangka kerja konseptual, populasi dan persampelan, pengumpulan data, penganalisan data, penulisan rujukan dalam teks, senarai rujukan, transliterasi dan abstrak mengikut Panduan Gaya UKM. Kursus ini juga memperkenalkan SPSS dan NVivo sebagai alat penganalisan data. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan berupaya untuk menulis cadangan penyelidikan, menjalankan penyelidikan empirikal dan menghasilkan sebuah manuskrip ilmiah yang ditulis secara sistematik.

Rujukan / References

Creswell, J.W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed method*

approaches, 4th ed, Sage Publications.

Cooper, D.R., Schindler, P.S. (2013). *Business Research Methods*, 12th ed. McGraw-

Hill Education.

Ravitch, Sharon M., Riggan, John M. (2016). *Reason and Rigor: How conceptual*

frameworks guide research, 2nd ed, Sage publications

DeVellis, R.F. (2011). *Scale development : Theory and applications (Applied social*

research methods), 3th ed, Sage Publication.s

Charmaz, K. (2014). *Constructing grounded theory*. 2nd edition. London: Sage

Publication.

Artikel yang berkaitan/ Selected article.

EPPD8023 Analisis Kualitatif dan Kuantitatif / Qualitative and Quantitative Analysis

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada dua bentuk analisis yang utama iaitu analisis kuantitatif yang berasaskan pengukuran objektif dan analisis kualitatif yang berkaitan dengan penilaian subjektif terhadap sikap, pendapat dan gelagat. Perbincangan pendekatan analisis kuantitatif merangkumi kaedah penganggaran dan analisis multivariat. Perbincangan pendekatan analisis kualitatif meliputi teknik pengumpulan data melalui kumpulan fokus, teknik

pemerhatian dan teknik temubual intensif. Pelajar juga akan didedahkan kepada kaedah analisis kajian kes dan 'grounded theory' yang merupakan antara dua kaedah kualitatif yang biasa digunakan dalam penyelidikan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya mendapat ilmu tentang cara menggabungkan kedua-dua analisis ini dalam sesuatu kajian penyelidikan bagi membantu memperoleh penemuan penyelidikan yang lebih baik.

Rujukan / References

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2014). *Multivariate Data*

Analysis - Pearson New International Edition (7th ed.). Upper Saddle River, New Jersey, US: PearsonAnderson, D.R.; Sweeney, D.J.; Williams, T.A.; Camm, J.D.; Cochran, J.J. (2016). *Quantitative Methods for Business* 13th Edition. Cengage Learning: Boston, USA.

Render, B.; Stair, Jr, R.M.; Hanna, M.E.; Hale, T.S. (2015). *Quantitative Analysis for Management* 12th Edition Global Edition. Pearson Education Limited: Essex, England.

Bazeley, P.; Jackson, K. (2013). *Qualitative Data Analysis with NVivo* 2nd Edition. SAGE Publishing.

Bazeley, P. (2013). *Qualitative Data Analysis – Practical Strategies*. SAGE Publishing.

EPPA8033 Penyelidikan dalam Perakaunan /Research in Accounting

Kursus ini bertujuan membincangkan perkembangan penyelidikan perakaunan dalam beberapa sub-bidang termasuk perakaunan pengurusan, percukaian, pengauditan, perakaunan sektor awam, sistem maklumat perakaunan, dan pelaporan korporat. Rujukan ke atas kajian lepas yang terpilih dibuat bagi tujuan menilai dan menerangkan isu-isu berhubung kaedah penyelidikan yang pelbagai dalam sub-bidang perakaunan. Kursus ini juga akan mengambil kira kajian terpilih yang memberi fokus kepada amalan perakaunan yang spesifik kepada setiap sub-bidang perakaunan yang dibincangkan. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat memahami skop tinjauan kajian lepas, teori, kaedah penyelidikan dan amalan dalam sub-bidang perakaunan yang berkaitan.

The aim of this course is to discuss accounting research development in several sub-areas including management accounting, taxation, auditing, public sector accounting, accounting information system, and corporate reporting. Literature reviews are done on selected topics in the respective research area so that

students will be able to assess and explain issues related to research methods in the various sub-field of accounting. This course will also take into account studies that focus on selected accounting practices of a specific field of accounting. After attending this course, students should be able to understand the scope on reviews of past research, theory, research methods and practices in related sub-field of accounting.

Rujukan / References

- Schroeder, R.G., Clark, M.W. & Cathey, J.M. (2014). Financial accounting theory & analysis: text and cases. 11th Ed. USA: John Wiley & Sons.
- Merchant, K. & Van der Stede, W. (2012). Management control systems: Performance measurement, evaluation and incentive, 3/E. Prentice Hall.
- Malaysian Master Tax Guide. (2013). CCH Asia Limited.
- Riahi-Belkaoui, A. (2007). Accounting theory, 5th Ed. London: Thomson Learning.
- Dunn, J. (1996). *Auditing Theory and Practice*. 2nd Edition. Prentice Hall

EPPE7044 Makroekonomi Lanjutan /Advanced Macroeconomics

Kursus ini bertujuan untuk menerangkan konsep makroekonomi lanjutan merangkumi teori dan konsep serta kaedah analisis makroekonomi dengan menitikberatkan teori pertumbuhan ekonomi, modal insan dan perubahan teknologi, teori kitaran perniagaan benar, model nominal rigid (model New Keynesian) serta dasar monetari dan fiskal.

Rujukan / References

- David Romer (2012). *Advanced Macroeconomics*. 4th ed, Boston: Mc Graw-Hill.
- Robert Baro and Xavier Sala-i-Martin (2004). *Economic Growth*. 2nd ed., MIT Press.
- Daron Acemoglu (2009). *Introduction to Modern Economic Growth*, Princeton University Press.
- Lars Ljungqvist and Thomas Sargent Recursive (2012). *Macroeconomic Theory*. 3rd edition, Cambridge : Mass MIT Press.

Ola Olsson (2013). *Essentials of Advanced Macroeconomic Theory*. Routledge

EPPE7054 Mikroekonomi Lanjutan /Advanced Microeconomics

Objektif kursus ini adalah untuk memperkenalkan dan mengembangkan teknik-teknik analisis mikroekonomi dengan penekanan diberikan kepada model matematik. Kursus ini merangkumi teori dan konsep mikroekonomi lanjutan dengan menekankan topik-topik seperti Kesan Luaran, Barangan Awam, Teori Keseimbangan Umum, Pasaran Oligopoli, Teori Permainan, Pasaran Aset, Pilihan Antara Masa, Informasi dan Gelagat, dan Ketakpastian.

Rujukan / References

- Wetzstein, Michael. (2013). *Microeconomic Theory Concepts and Connections*:
Routledge
- Geoffrey A. Jehle & P Hilip J. Reny. (2011). *Advanced Microeconomic Theory*,
3rd
Edition. Pearson.
- H.L Ahuja. (2014) *Advanced Economic Theory: Microeconomic Analysis*, 20th
edition revised edition. S. Chand Limited
- Nicholson, Walter & Synder, Christopher. (2012) *Microeconomic Theory :
Basic
Principle and Extension*, 11th Edition. International Edition. South
Western : Cengage Learning

EPPE8034 Ekonometrik Lanjutan /Advanced Econometrics

Kursus ini bertujuan untuk memberi fahaman dan kemahiran tentang pemodelan data siri masa dan data panel. Perbincangan akan meliputi ujian kepegunan, analisis siri masa multivariate menggunakan model ARDL, analisis data panel menggunakan model panel statik dan dinamik. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat memahami model siri masa multivariat, kaedah regresi panel, kointegrasi panel dan penganggaran hubungan jangka panjang serta boleh mengaplikasi dalam bidang ekonomi dan kewangan.

Rujukan / References

- Dimitrios Asteriou, Stephen G. Hall, (2011) *Applied Econometrics. 2nd Edition*.
Palgrave Macmillan.
- Enders, W. (2015). *Applied Econometric Time Series*. 4th Edition. John Wiley.
New
Jersey.
- Brooks, C. (2014). *Introductory Econometrics for Finance*. 3rd Edition.
Cambridge
University Press
- Greene, W.H. (2012) *Econometric Analysis*. 7th Edition. Pearson. New Jersey
- Carol, A. (2013). *Market Risk Analysis: Practical Financial Econometrics*
(Volume
II). John Wiley

EPPM8033 Teori Pengurusan dan Keusahawanan / Theory of Management and Entrepreneurship

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan yang menyeluruh tentang falsafah pengurusan dan keusahawanan. Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kemahiran mengkritik teori-teori pengurusan lanjutan di samping mengaitkan konsep-konsep keusahawanan. Kursus ini juga akan membina kemahiran pengurusan organisasi yang lebih terkini dan dinamik untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan organisasi berorientasikan keuntungan dan bukan keuntungan (sektor swasta dan awam). Kursus ini turut membincangkan secara kritis isu-isu semasa pengurusan dan keusahawanan. Kursus ini juga menitikberatkan keberhasilan penyelidikan-penyelidikan berkaitan bidang pengurusan organisasi dalam entiti keusahawanan.

Rujukan / References

- Jean- Philippe Deschamps, Beebe Nelson. (2014). *Innovation Governance: How Top Management Organizes and Mobilizes for Innovation*. Wiley.
- Daft, Richard L. (2013). *New Era of Management*, Tenth Edition. South-Western.
- Worth, M.J. (2013). *Nonprofit Management: Principles and practice*. 3rd Edition. Sage Publications, Inc.
- Donald F. Kuratko. (2016) *Entrepreneurship: Theory, Process, and Practice*. Cengage Learning.
- C. Mishra and R. Zachary. (2014). *The Theory of Entrepreneurship: Creating and Sustaining Entrepreneurial Value*, Palgrave Macmillan.

**PERATURAN DAN GARIS
PANDUAN**

**RULES & REGULATIONS
AND GUIDELINES**

GARIS PANDUAN PEPERIKSAAN KOMPREHENSIF PROGRAM DOKTOR FALSAFAH (EKONOMI) (MOD KERJA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)

1. Pengenalan

- 1.1 Pelajar yang mengikut program Doktor Falsafah (Ekonomi) dengan mod kerja kursus dan penyelidikan perlu mengambil peperiksaan komprehensif yang terdiri dari:
 - a. Dua (2) peperiksaan kelayakan dalam bidang teori ekonomi; iaitu Mikroekonomi dan Makroekonomi ; dan
 - b. Satu (1) peperiksaan bidang pengkhususan.
- 1.2 Apabila pelajar lulus kesemua peperiksaan komprehensif yang ditetapkan, maka pelajar layak menjadi calon kedoktoran dan boleh memulakan penulisan disertasi.

2. Pengendalian Peperiksaan Komprehensif

- 2.1 Peperiksaan Komprehensif akan diadakan setiap semester.
- 2.2 Peperiksaan kelayakan bagi bidang Mikroekonomi dan bidang pengkhususan akan diadakan pada minggu ke-6 setiap semester.
- 2.3 Peperiksaan kelayakan bagi bidang Makroekonomi akan diadakan pada minggu ke-9 setiap semester.
- 2.4 Pelajar dikehendaki mengisi borang notis peperiksaan selewat-lewatnya 4 minggu sebelum tarikh peperiksaan. Pelajar yang ingin menarik diri dikehendaki memberi notis 48 jam sebelum tarikh peperiksaan jika tidak pelajar dianggap gagal dalam peperiksaan.

3. Jawatankuasa Peperiksaan Komprehensif

- 3.1 Jawatankuasa Peperiksaan Komprehensif akan dilantik oleh Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan bagi setiap peperiksaan komprehensif:
 - 3.1.1.1 Bagi bidang teori ekonomi, jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Peperiksaan Komprehensif Mikroekonomi dan Jawatankuasa Peperiksaan Komprehensif Makroekonomi;
 - 3.1.1.2 Bagi bidang pengkhususan, jawatankuasa tersebut akan dikenali sebagai Jawatankuasa Peperiksaan Komprehensif (nama modul).
- 3.2 Semua Jawatankuasa Peperiksaan Komprehensif akan terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang ahli akademik berkaitan dengan bidang ilmu berkenaan. Seorang daripada ahli jawatankuasa akan dilantik sebagai Pengerusi dan Ketua Penggubal Soalan Peperiksaan Komprehensif bidang berkenaan.
- 3.3 Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan Komprehensif bertanggungjawab menyalurkan soalan dan pemarkahan peperiksaan tersebut.

4. Bilangan Peperiksaan

- 4.1 Calon diberi peluang menduduki peperiksaan komprehensif bertulis sebanyak dua (2) kali sahaja untuk lulus peperiksaan tersebut.

5. Penilaian Peperiksaan

- 5.1 Gred bagi peperiksaan ini ialah L (Lulus) atau K (Kandas).
- 5.2 Bagi calon yang hampir mencapai tahap lulus, Jawatankuasa Peperiksaan Komprehensif boleh memanggil calon untuk menduduki peperiksaan lisan komprehensif. Peperiksaan lisan haruslah mencerminkan skop peperiksaan komprehensif bertulis.
- 5.3 Keputusan peperiksaan lisan komprehensif perlu mendapat pengesahan semua ahli Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Komprehensif yang dibentuk untuk tujuan pelaksanaan peperiksaan lisan berkenaan.

**THE COMPREHENSIVE EXAMINATIONS GUIDELINES FOR
THE
DOCTOR OF PHILOSOPHY (ECONOMICS) PROGRAMME
(COURSEWORK AND RESEARCH MODE)**

1. Introduction

- 1.1 Students enrolled in the PhD in Economics programme via coursework and dissertation are required to sit for these comprehensive examinations:
 - a. Two examinations in the theoretical aspects of economics; Microeconomics and Macroeconomics.
 - b. One examination in the field of specialisation.
- 1.2 Upon passing these comprehensive examinations, students are then qualified as doctoral candidates and can then begin writing their respective dissertations.

2. The Administration of the Comprehensive Examinations

- 2.1 The comprehensive examinations will be held every semester.
- 2.2 The qualifying examination for Microeconomics and the specialised field will be held in week 6 of the semester.
- 2.3 The qualifying examination for Macroeconomics will be held in Week 9 of each semester.
- 2.4 Students are required to complete an examinations notification form 4 weeks prior to the examination date (at the latest). Students who wish to withdraw are required to submit a notice 48 hours prior to the examination date. Otherwise the student will receive a 'Fail' grade for the examination.

3. The Comprehensive Examinations Committee

- 3.1 This committee will be appointed by the Dean of the Faculty of Economics and Management for each examination. For the field of economic theories, the committee is known as the Microeconomics Comprehensive Examination Committee and the Macroeconomics Comprehensive Examination Committee. For specialisation fields, the committee will be known as the (module) Comprehensive Examination Committee.
- 3.2 All Comprehensive Examinations Committee will consist of at least 3 academicians with expertise in the field. One of the committee members will be appointed as Chairperson and Head of Examination Questions Drafting.
- 3.3 The Chairperson of the Comprehensive Examination Committee is responsible for the coordination of the exam questions and marks for the examinations.

4. Number of Examinations

4.1 The candidate is allowed to sit for the comprehensive examinations twice (2) only in order to pass.

5. Examination Assessment

5.1 The grades given for these examinations are Pass (L) or Fail (K).

5.2 For candidates who almost achieved the passing grade, the Comprehensive Examinations Committee can request that the candidates attend a Comprehensive Oral Examination.

5.3 The results of the Comprehensive Oral Examinations have to be validated by all Committee members for administrative purposes.

PENYELIAAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR

Proses penyeliaan memberi peluang kepada pelajar untuk membina kemahiran sebagai penyelidik di bawah mentoran penyelia. Oleh yang demikian, Penyelia berhak untuk menuntut komitmen yang tinggi daripada pelajar. Pelajar pula seharusnya memberi reaksi positif kepada panduan, nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh penyelia di samping berusaha meningkatkan kebolehan menjalankan penyelidikan secara mandiri. Sebagai penyelidik siswazah, pelajar perlu:

1. Mematuhi Peraturan, Dasar dan Garis Panduan Universiti, khususnya yang berkait dengan pelaksanaan penyelidikan; termasuk dasar berhubung etika penyelidikan, hak harta intelek, amalan kerja selamat, serta hak cipta dan hak kepengarangan;
2. Berbincang dengan penyelia dan mencapai persetujuan tentang jadual pertemuan;
3. Memastikan ada komunikasi jelas dan terbuka dengan penyelia sepanjang proses penyeliaan;
4. Berbincang dengan penyelia tentang topik dan jadual penyelidikan;
5. Melaksanakan kerja seperti yang ditetapkan oleh penyelia yang termasuk pembacaan, latihan penyelidikan atau mengikuti mana-mana kursus yang diperlukan;
6. Memastikan kemajuan penyelidikan selaras dengan jadual yang dipersetujui;
7. Membincangkan masalah atau kesulitan yang dihadapi bersama penyelia, termasuk masalah berhubung akses kepada sumber dan bahan;
8. Menyimpan rekod tentang kemajuan penyelidikan termasuk rekod pertemuan dengan penyelia dan rekod kerja/tugasan yang telah diselesaikan;
9. Memastikan bahan penulisan diserahkan seperti yang dijadualkan dengan memberikan waktu yang sewajarnya untuk membolehkan penyelia memberi maklum balas;
10. Memberi perhatian yang sewajarnya kepada maklum balas dan panduan yang diberikan oleh penyelia;
11. Mematuhi keputusan yang dicapai hasil daripada maklumbalas di antara Penyelia Utama, Penyelia Bersama dan Penasihat jika berlaku perbezaan pandangan;
12. Menyediakan deraf tesis/disertasi dan melakukan pembetulan dan penambahbaikan seperti yang dicadangkan oleh penyelia;
13. Membuat keputusan tentang bila penyerahan tesis/disertasi hendak dilakukan dengan mengambilkira pandangan penyelia serta memastikan tempoh masa yang ditetapkan Universiti dipatuhi;
14. Memastikan tesis/disertasi yang diserahkan bebas plagiat dan mematuhi keperluan Universiti;
15. Mengambil tanggungjawab dan inisiatif untuk mengikuti program untuk menambahbaik kemahiran yang dianjurkan Fakulti/Institut/Universiti;
16. Mengambil bahagian dan menyumbang kepada budaya penyelidikan Fakulti/Institut;
17. Memastikan semua keperluan pentadbiran dipatuhi;
18. Memastikan keperluan penerbitan yang ditetapkan dipatuhi;
19. Memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada Penyelia Utama/ Penyelia Bersama/ Jawatankuasa Penyeliaan dan Universiti dalam sebarang penerbitan yang dibuat berdasarkan penyelidikan yang dijalankan;
20. Mendapatkan persetujuan dan pengesahan penyelia bagi sebarang penerbitan yang dibuat berasaskan penyelidikan yang dijalankan semasa di UKM, walaupun pelajar sudah bergraduasi;

21. Berunding dengan penyelia tentang tempoh bercuti dan memaklumkan penyelia jika terpaksa mengambil cuti (contohnya atas sebab kesihatan atau masalah keluarga).

SUPERVISION AND STUDENT RESPONSIBILITIES

The supervision process presents an opportunity for the student to acquire the relevant skills as a researcher with the supervisor acting as a mentor. Therefore, the Supervisor has the right to demand a high level of commitment from the student. The student, on the other hand, should react positively to the guidance and advice given by the supervisor, as well as strive to improve his or her skills in conducting independent research. As a postgraduate researcher, a student is expected to:

1. Abide by the regulations, policies and University guidelines, specifically those pertaining to research implementation, which include research ethics policies, intellectual property rights, work safety practices, copyright and authorship.
2. Discuss with the supervisor and reach a consensus with regard to meeting schedules.
3. Ensure that there is a transparent and open communication with the supervisor throughout the supervision period.
4. Discuss the research topic and schedule with the supervisor
5. Complete work set out by the supervisor which includes relevant reading, research training or attend relevant courses as and when required
6. Ensure that the research progress is in tandem with the agreed timelines
7. Discuss problem or obstacles encountered with the supervisor, including problems which involve access to relevant sources and materials
8. Maintain organised records of research progress including records of meetings with the supervisor and completed work/assignments.
9. Ensure that all scheduled writings are submitted to the supervisor on time and give ample time for the supervisor to provide feedback
10. Give due attention to the supervisor's feedback and guidance
11. Comply with the decisions made based on feedback from the primary supervisor, the co-supervisor and advisor in the event of discrepancies
12. Prepare thesis/dissertation drafts and make appropriate improvements and corrections as advised by the supervisor
13. Decide when submission should be done after taking into consideration the supervisor's suggestions and the University's deadlines
14. Ensure that the thesis/dissertation submitted is plagiarism-free and complies with the University's requirements.
15. Take responsibility and initiative to enroll in various programs for skills improvement organized by the faculty/institute/university.
16. Participate and contribute to the University's research culture
17. Ensure that all administrative requirements are fulfilled.
18. Ensure that the required publication needs are met
19. Give due acknowledgement to the primary supervisor/co-supervisor/supervision committee and the University in any publications produced based on the research conducted
20. Obtain approval and validation from the supervisor for any publications produced based on the research conducted while in UKM, even if the student has already graduated.
21. Consult the supervisor about holidays and inform the supervisor if the student needs to take emergency leave (e.g. in the event of illness or family-related problems).

**Peraturan-Peraturan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pengajian Siswazah) 2016**

BAHAGIAN I PERMULAAN

Nama

1. (1) Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2016**.
- (2) Peraturan-peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua calon yang mendaftar sesuatu program yang mengurniakan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-peraturan ini.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain,
 - “bayaran” ertinya apa-apa yuran dan pembayaran lain yang dikenakan oleh Universiti kepada calon bagi suatu program;
 - “calon” ertinya seseorang calon berdaftar Universiti yang mengikuti pengajian siswazah di Universiti bagi suatu program;
 - “calon luar UKM” ertinya pelajar dari institusi di luar UKM samada dalam atau luar negara;
 - “disertasi” ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh calon bagi penganugerahan Ijazah Sarjana secara penyelidikan dan mod campuran;
 - “Ijazah Kedoktoran” ertinya suatu perakuan yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang calon yang telah memenuhi syarat program Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Doktor Klinikal, Ijazah Doktor Kesihatan Masyarakat, Ijazah Doktor Pentadbiran Perniagaan, Ijazah Doktor Pergigian Klinikal atau Ijazah Kedoktoran lain yang diiktiraf oleh Senat;
 - “Ijazah Sarjana” ertinya perakuan yang diberi oleh Universiti kepada seorang calon yang telah memenuhi syarat program Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Klinikal atau yang setara dengannya;
 - “Jabatan” ertinya mana-mana Jabatan atau Pusat Pengajian yang ditubuhkan di dalam Fakulti untuk mengendalikan sesuatu program;
 - “Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah” ertinya suatu jawatankuasa yang terdiri daripada Dekan/Pengarah atau wakilnya, selaku Pengerusi, Pengerusi Pusat/Ketua Jabatan, Ketua Program Siswazah (jika berkenaan) dan Penyelaras Program Siswazah (jika berkenaan) untuk menimbang dan memperakukan keputusan peperiksaan calon selain di bawah subperaturan 6(a);
 - “Jawatankuasa Pengajian Siswazah” ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti/Institut untuk menguruskan program Fakulti/Institut yang terdiri daripada Dekan/Pengarah atau wakilnya, selaku Pengerusi, Pengerusi Pusat/Ketua Jabatan dan Ketua Program Siswazah (jika berkenaan);
 - “Jawatankuasa Peperiksaan Lisan” ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menilai, menimbang dan memperakukan keputusan pemeriksaan tesis/disertasi dan peperiksaan lisan tesis atau disertasi calon;
 - “Jawatankuasa Penyeliaan” ertinya suatu jawatankuasa yang terdiri daripada seorang guru Universiti yang dilantik sebagai Pengerusi dan sekurang-kurangnya dua ahli lain sebagai ahli Jawatankuasa Penyeliaan untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis/disertasi dan membimbing serta menilai pengajian calon;
 - “Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi” ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menimbang rayuan terhadap keputusan penilaian peperiksaan lisan.
 - “Kampus” ertinya tempat pengajian yang diiktiraf oleh Senat;

“Ketua Program” artinya seseorang guru yang dilantik oleh Universiti bagi menyelaras sesuatu program;

“kredit” artinya nilai beban bagi satu jam kredit yang bersamaan dengan jam belajar atau masa pembelajaran setara selama satu semester pengajian;

“kursus” artinya sesuatu mata pelajaran yang ditawarkan di dalam syarat program pengajian;

“mod kerja kursus” artinya suatu program pengajian yang memfokus kepada kerja kursus;

“mod kerja kursus dan penyelidikan atau mod campuran” artinya suatu program pengajian yang mempunyai komponen kerja kursus dan penyelidikan;

“mod kerja kursus dan praktikum/kerja klinikal serta kajian kes dan/atau penyelidikan” artinya suatu program pengajian yang mempunyai komponen kerja kursus dan praktikum atau kerja klinikal serta penyelidikan;

“mod penyelidikan” artinya suatu program pengajian yang memfokuskan kepada penyelidikan;

“Pelajar Tanpa Ijazah” artinya pelajar yang mendaftar untuk mengikuti kursus prasyarat sebelum mendaftar sebagai calon program Sarjana atau Kedoktoran; atau calon luar yang mendaftar dan mengikuti satu atau sebahagian kursus yang terdapat dalam program Sarjana atau Kedoktoran;

“Pemeriksa Dalam” artinya seorang guru Universiti yang dilantik oleh Fakulti/Institut untuk menilai pencapaian hasil penyelidikan seseorang calon;

“Pemeriksa Luar” artinya seseorang guru atau pakar bidang dari luar Universiti yang dilantik oleh Senat untuk menilai pencapaian hasil penyelidikan seorang calon;

“Penasihat Akademik” artinya seseorang guru dari Fakulti/Institut yang dilantik untuk membimbing calon dalam pengambilan kursus dan memantau kemajuan calon;

“Penasihat Industri” artinya seseorang di luar Universiti yang dilantik untuk membimbing dan membantu calon dalam bidang yang tertentu;

“Penyelia” artinya seseorang guru Universiti yang dilantik untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis/disertasi dan membimbing serta menilai pengajian calon yang boleh terdiri daripada Penyelia Utama dan/atau Penyelia Bersama atau Jawatankuasa Penyeliaan atau Penyelia Luar seperti dinyatakan di bawah Peraturan 34;

“Penyelia Utama” artinya seseorang guru Universiti yang dilantik secara individu atau mengetuai kumpulan dua orang penyelia atau lebih untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis dan membimbing serta menilai pengajian calon mod penyelidikan;

“Penyelia Bersama” artinya seseorang guru yang dilantik bersama-sama dengan Penyelia Utama (jika berkenaan) untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis dan membimbing serta menilai pengajian calon;

“Penyelia Luar” artinya seorang guru atau pakar dari luar Universiti yang dilantik sebagai Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis dan membimbing serta menilai pengajian calon;

“penyiaran rasmi” artinya keputusan rasmi yang diberikan melalui surat atau yang boleh dicapai dalam talian atau apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Universiti;

“Peperiksaan Komprehensif” artinya peperiksaan keseluruhan bidang ilmu yang utama dan sampingan yang telah diikuti oleh calon Ijazah Kedoktoran mod kerja kursus dan penyelidikan dan Ijazah Sarjana/Doktor Klinikal mod kerja kursus dan praktikum atau kerja klinikal serta kajian kes dan/atau penyelidikan;

“Peperiksaan Lisan” artinya peperiksaan untuk calon mempertahankan hasil kajian yang dibentangkan dalam tesis/disertasi di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan;

“program” artinya rancangan pengajian Ijazah Sarjana atau Kedoktoran dalam bidang tertentu;

“Pusat Kembangan Pendidikan” artinya pusat tanggungjawab yang memasar dan mengurus program akademik Universiti yang ditawarkan secara eksekutif;

“satu tahun pengajian” artinya tempoh yang mengandungi tiga (3) semester yang terdiri daripada dua (2) semester panjang dan satu (1) semester pendek, dengan tempoh masa 17 minggu bagi semester panjang dan tempoh masa 9 minggu bagi semester pendek atau dua (2) semester panjang dengan tempoh minimum 42 minggu;

“semester” ertinya tempoh tertentu di dalam sesuatu sesi yang ditetapkan oleh Senat;

“Senat” ertinya Senat Universiti Kebangsaan Malaysia;

“sesi” ertinya tahun akademik yang tarikhnya ditetapkan oleh Senat;

“tempoh lazim” ertinya jangka masa biasa yang ditawarkan oleh sesuatu mod program pengajian;

“tesis” ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh calon bagi penganugerahan Ijazah Kedoktoran secara penyelidikan dan mod campuran;

“tesis/disertasi format kompilasi” ertinya penulisan tesis/disertasi yang merupakan gabungan artikel-artikel yang telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan seperti yang diperinci dalam syarat penulisan tesis/disertasi format kompilasi dalam Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Kompilasi;

“Universiti” ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia

BAHAGIAN II SYARAT KEMASUKAN

Syarat penerimaan masuk program Sarjana

3. Seseorang yang ingin memohon untuk mengikuti program Sarjana hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

- (a) Ijazah Sarjanamuda dengan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang baik dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau
- (b) Ijazah Doktor Perubatan atau Doktor Pergigian dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi atau ijazah yang setaraf dengannya dari mana-mana institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat; atau
- (c) kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperoleh melalui Akreditasi Pembelajaran berasaskan Pengalaman Terdahulu (APPT); atau
- (d) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh program (jika berkenaan); dan
- (e) memenuhi syarat Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Syarat penerimaan masuk program Kedoktoran

4. Seseorang yang ingin memohon untuk mengikuti program Kedoktoran hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

- (b) Ijazah Sarjana dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau
- (h) kelayakan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana atau mempunyai kelayakan lain dengan pengalaman yang diiktiraf oleh Senat; atau
- (i) calon yang sedang mengikuti program Sarjana di bawah perenggan 6(a) secara sepenuh masa di Universiti dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti/Institut untuk menukar status kepada program Ijazah Kedoktoran dengan kelulusan Dekan/Pengarah; atau
- (j) Ijazah Sarjanamuda dengan memperoleh keputusan cemerlang dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi tertakluk kepada ketetapan Fakulti/Institut dan pengiktirafan oleh Senat; atau
- (k) kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperoleh melalui Akreditasi Pembelajaran berasaskan Pengalaman Terdahulu (APPT); atau
- (l) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh program (jika berkenaan); dan
- (m) memenuhi syarat Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Syarat keperluan Bahasa Inggeris

5. (1) Calon luar negara hendaklah memenuhi syarat keperluan Bahasa Inggeris seperti berikut:

- (a) mendapat keputusan TOEFL atau IELTS yang memenuhi syarat skor atau band minimum yang ditetapkan oleh program masing-masing; atau
- (b) calon hendaklah mengambil Ujian Kecekapan Bahasa Inggeris (UKBI) dan sekiranya dia tidak melepasi tahap yang ditetapkan oleh program, calon hendaklah mengikuti dan lulus Modul Kemahiran Bahasa Inggeris (MKBI) dalam tempoh tidak lewat dari tiga (3) semester untuk program Kedoktoran atau dua (2) semester untuk program Sarjana dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti.

(2) Bagi calon luar negara yang akan menulis tesis/disertasi dalam Bahasa Melayu/Bahasa Arab boleh dikecualikan daripada syarat yang dinyatakan dalam subperaturan 5(1)(a) tetapi calon itu hendaklah mengambil Ujian Kecekapan Bahasa Inggeris (UKBI) dan sekiranya dia tidak melepasi tahap yang ditetapkan oleh program, calon dikehendaki mengikuti dan lulus Modul Kemahiran Bahasa Inggeris (MKBI).

(3) Calon luar negara yang memiliki kelayakan akademik yang diperoleh dari mana-mana universiti tempatan yang diiktiraf oleh Senat boleh dikecualikan daripada syarat yang dinyatakan dalam subperaturan 5(1)(a) tetapi calon itu hendaklah mengambil Ujian Kecekapan Bahasa Inggeris (UKBI) dan sekiranya dia tidak melepasi tahap yang ditetapkan oleh program, calon dikehendaki mengikuti dan lulus Modul Kemahiran Bahasa Inggeris (MKBI).

(4) Fakulti/Institut boleh memberi pengecualian kepada syarat yang dinyatakan dalam subperaturan 5(1) kepada calon luar negara yang berasal dari negara yang Bahasa Inggeris adalah Bahasa rasminya atau yang memiliki kelayakan akademik yang diperoleh dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa pengantar.

BAHAGIAN III PENGAJIAN

Mod pengajian

6. Tertakluk kepada Senat dan penawaran program pengajian, mod pengajian untuk program Sarjana atau Kedoktoran adalah seperti yang berikut:

- (a) mod penyelidikan sahaja;
- (b) mod kerja kursus sahaja;
- (c) mod kerja kursus dan penyelidikan atau mod campuran;
- (d) mod kerja kursus dan praktikum atau kerja klinikal serta kajian kes dan/atau penyelidikan.

Tempoh pengajian

7. (1) Tempoh pengajian bagi program Sarjana, di bawah perenggan 6(a) adalah seperti berikut:

- (a) bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim adalah dua (2) tahun dan tempoh maksimum adalah tiga (3) tahun;
- (b) bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim adalah tiga (3) tahun dan tempoh maksimum adalah empat (4) tahun.

Walaupun bagaimanapun, calon yang cemerlang boleh memohon secara bertulis kepada Dekan/Pengarah untuk dikecualikan daripada syarat tempoh lazim seperti yang dinyatakan dalam subperaturan 7(1)(a) dan 7(1)(b) tertakluk kepada tempoh minimum satu (1) tahun, setelah memenuhi keperluan program, syarat penerbitan dan syarat-syarat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh fakulti dan peraturan-peraturan ini.

(2) Tempoh pengajian bagi program Sarjana, di bawah perenggan 6(b) dan 6(c) adalah seperti berikut:

- (a) bagi pengajian sepenuh masa tempoh lazim hendaklah sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan tempoh maksimum tidak boleh melebihi dua kali ganda tempoh lazim yang ditawarkan program;
- (b) bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim adalah dua (2) tahun dan tempoh maksimum adalah empat (4) tahun.

(3) Tempoh pengajian bagi program Sarjana/Doktor Klinikal, di bawah perenggan

6(d) adalah minimum empat (4) sesi akademik dan maksimum (7) tujuh sesi akademik secara sepenuh masa sahaja.

- (4) Tempoh pengajian bagi program Kedoktoran adalah seperti berikut:
 - (a) bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim adalah tiga (3) tahun dan tempoh maksimum adalah enam (6) tahun;
 - (b) bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim adalah empat (4) tahun dan tempoh maksimum adalah tujuh (7) tahun.
 - (c) Walaubagaimanapun, calon yang cemerlang boleh memohon secara bertulis kepada Dekan/Pengarah untuk dikecualikan daripada syarat tempoh lazim seperti yang dinyatakan dalam subperaturan 7(4)(a) dan 7(4)(b) tertakluk kepada tempoh minimum dua (2) tahun, setelah memenuhi keperluan program, syarat penerbitan dan syarat-syarat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh fakulti dan peraturan-peraturan ini.

Tambah masa pengajian

8. (1) Seseorang calon boleh membuat permohonan tambah masa pengajian selepas tempoh maksimum secara bertulis kepada Dekan/Pengarah tertakluk kepada maksimum empat (4) semester.
 - (2) Calon yang tempoh pengajiannya melebihi bilangan tahun maksimum termasuk tambahan masa yang disebut dalam subperaturan 8(1) boleh diberhentikan.
 - (3) Walau apapun tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 8(2), calon boleh memohon tambahan masa satu (1) semester sahaja tertakluk kepada keputusan Senat.
 - (4) Calon yang diluluskan tambah masa pengajian tidak dibenarkan menangguhkan pengajian pada semester tersebut kecuali di atas sebab-sebab kesihatan yang disahkan oleh doktor pakar perubatan.

Bentuk pendaftaran

9. (1) Calon warganegara selain daripada calon yang dinyatakan dalam subperaturan 7(3) dibenarkan untuk memilih sama ada untuk mengikuti program pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa dan dikira dari tarikh pendaftarannya yang pertama sehingga tamat pengajian.
 - (2) Calon program Sarjana/Doktor Klinikal yang disebut dalam perenggan 6(d) hanya dibenarkan untuk mengikuti program pengajian secara sepenuh masa sahaja.
 - (3) Hanya calon warganegara boleh memohon kepada Dekan/Pengarah, untuk menukar status pendaftaran daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya seperti berikut:
 - (a) permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian; dan
 - (b) permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah sehingga tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester bermula.
 - (4) Calon luar negara hendaklah mendaftar dan mengikuti semua program pengajian secara sepenuh masa sahaja, dikira dari tarikh pendaftarannya yang pertama sehingga tamat pengajian.
 - (5) Calon yang mengikuti program siswazah kendalian Pusat Kembangan Pendidikan dan UKM-GSB Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan hendaklah mendaftar secara sepenuh masa sahaja kecuali untuk program tertentu yang dibenarkan memilih untuk mengikuti program secara sepenuh masa atau separuh masa, dikira dari tarikh pendaftarannya yang pertama sehingga tamat pengajian.

Pertukaran mod pengajian

10. Calon yang mengikuti program pengajian di bawah mod penyelidikan seperti yang disebut dalam perenggan 6(a) boleh memohon untuk menukar kepada program pengajian di bawah mod kerja kursus atau mod campuran seperti yang disebut dalam perenggan 6(b) dan 6(c), atau sebaliknya tertakluk kepada syarat berikut:

- (a) permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian;
- (b) permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah

sehingga tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester bermula; dan

- (c) permohonan hendaklah dibuat sehingga tempoh tidak lewat dari dua (2) semester dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti.
- (d) tempoh pengajian sebelum pertukaran mod pengajian tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk suatu ijazah.

Pertukaran program antara Fakulti/Institut

11. Calon yang mengikuti program pengajian di sesuatu Fakulti/Institut boleh memohon untuk menukar kepada program pengajian di Fakulti/Institut lain tertakluk kepada syarat berikut:

- (a) permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian;
- (b) permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah kedua-dua Fakulti/Institut sehingga tempoh tempoh tidak lewat dari dua (2) semester dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti.; dan
- (c) Peraturan 28 adalah terpakai untuk sebarang pengecualian kursus.
- (d) tempoh pengajian sebelum pertukaran ke program di Fakulti/Institut baru tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk suatu ijazah.

Syarat pemastautinan

12. (1) Calon luar negara hendaklah berada di kampus sepanjang tempoh pengajian.
- (2) Walaubagaimanapun, calon boleh memohon secara bertulis kepada Dekan/Pengarah untuk dikecualikan daripada syarat tempoh lazim seperti yang dinyatakan dalam subperaturan 10(1) tertakluk kepada tempoh minimum dua (2) semester kumulatif.
- (3) Subperaturan 12(1) dan 12(2) boleh dikecualikan untuk program tertentu yang diluluskan oleh Senat.

Syarat keperluan Bahasa Melayu

13. Calon luar negara hendaklah mengikuti kursus Bahasa Melayu dan lulus kursus itu untuk layak dikurniakan Ijazah sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti, tertakluk kepada berikut:

- (a) pengecualian boleh diberikan kepada calon yang telah mengikuti kursus Bahasa Melayu yang setara anjuran pihak lain yang diluluskan oleh Senat dan lulus kursus itu;
- (b) dalam kes tertentu, Senat boleh memberi pengecualian syarat keperluan Bahasa Melayu.

Syarat keperluan Bahasa Arab

14. (1) Seseorang calon bagi program tertentu hendaklah menduduki ujian kelayakan Bahasa Arab.
- (2) Calon yang gagal ujian yang disebut dalam subperaturan 14(1) hendaklah mengikuti dan lulus Kursus Bahasa Arab Pengukuhan yang ditentukan oleh Fakulti/Insitut yang berkenaan.
- (3) Dalam kes tertentu, Senat boleh memberi pengecualian syarat keperluan Bahasa Arab.

BAHAGIAN IV

PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN

Permohonan

15. (1) Setiap permohonan hendaklah melalui cara yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Setiap permohonan yang diterima daripada pemohon, hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti/Institut berkenaan untuk pemilihan.
- (3) Calon yang pernah gagal dalam pengajian yang ditawarkan Universiti sebelum ini tidak dibenarkan memohon program yang sama.

Pendaftaran pelajar baharu

16. (1) Calon yang diterima masuk hendaklah mendaftar diri dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Calon tidak dibenarkan mendaftar selepas empat (4) minggu semester/sesi bermula kecuali bagi calon pengajian mod penyelidikan sahaja.
- (3) Walau apapun tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 16(1) dan 16(2), calon boleh memohon untuk menangguhkan pendaftaran seperti di bawah Peraturan 17

Penangguhan pendaftaran masuk pelajar baharu

17. (1) Calon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar boleh memohon menangguh pendaftaran masuk untuk tempoh tidak kurang daripada satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester.

(2) Semua permohonan penangguhan pendaftaran masuk hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pusat Pengurusan Akademik sehingga tempoh empat (4) minggu daripada tarikh pendaftaran masuk.

(3) Calon yang gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 17(2) adalah dianggap menolak tawaran dan tawaran akan terbatal.

Pendaftaran pelajar sedia ada

18. (1) Calon sedia ada hendaklah mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan pada setiap semester/sesi bermula.

(2) Calon sedia ada yang tidak mendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas semester/sesi bermula tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis untuk menangguhkan pengajian daripada Dekan/Pengarah akan diberikan status “Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar”.

(3) Calon yang telah diberhentikan di bawah subperaturan 18(2) boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Dekan/Pengarah untuk meneruskan semula pengajian dengan syarat tidak melebihi dua (2) semester berturut-turut dan dikenakan bayaran proses permohonan dan bayaran denda lewat mendaftar seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

(4) Tempoh tidak mendaftar tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk suatu ijazah.

Penangguhan pengajian calon sedia ada

19. (1) Calon boleh memohon untuk menangguhkan pengajian berdasarkan sebab yang munasabah dan tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian yang ditetapkan.

(2) Penangguhan pengajian boleh dibenarkan untuk tempoh minimum satu (1) semester dan tidak melebihi empat (4) semester di sepanjang tempoh pengajian.

(3) Walau apapun tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 19(2), calon boleh memohon tambahan satu (1) semester sahaja untuk penangguhan pengajian tertakluk kepada kelulusan Senat.

(4) Calon yang diluluskan penangguhan pengajian tidak dianggap sebagai pelajar yang berdaftar dan tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan Universiti.

(5) Calon yang mengikuti program Sarjana Kerja Kursus Secara Bermodul tidak dibenarkan untuk menangguhkan pengajian.

(6) Semua permohonan untuk menangguhkan pengajian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah selewat-lewatnya sehingga tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester/sesi bermula.

(7) Calon yang gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 19(6) boleh diberhentikan dan subperaturan 18(3) adalah terpakai secara bersama

Pendaftaran bagi calon sedia ada yang telah menyerahkan tesis

20. Calon sedia ada yang telah menyerahkan tesis untuk pemeriksaan dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah terus mendaftar dan diberi status “Serah Tesis Untuk Pemeriksaan” sehingga peperiksaan lisan tesisnya selesai tanpa dikenakan yuran pengajian

Bayaran

21. (1) Calon hendaklah menjelaskan semua bayaran kepada Universiti pada awal setiap semester/sesi disepanjang tempoh pengajian.

(2) Calon yang gagal menjelaskan apa-apa bayaran di bawah subperaturan 21(1) boleh:

(a) digantung keputusan peperiksaannya;

(b) tidak dibenarkan mendaftar untuk semester/sesi berikutnya; dan

- (c) dikenakan apa-apa tindakan lain yang ditetapkan oleh Universiti.

BAHAGIAN V

KERJA KURSUS, PENYELIDIKAN DAN PENYELIAAN

Pendaftaran kursus

22. Calon hendaklah mendaftar kursus yang ditetapkan oleh program seperti berikut:
- (a) Pendaftaran Wajib iaitu pendaftaran kursus yang diperlukan untuk mendapatkan Ijazah. Kursus yang didaftarkan secara wajib akan dimasukkan dalam pengiraan untuk menentukan purata nilai gred (jika berkenaan) bagi pengajian calon. Pendaftaran wajib boleh terdiri daripada kursus wajib dan kursus elektif.

- (b) Pendaftaran Tanpa Gred iaitu adalah pendaftaran kursus pra syarat secara tanpa gred, iaitu untuk mendapat keputusan umum berbentuk lulus atau kandas (L/K) sahaja. Kursus ini tidak akan diambil kira untuk menentukan purata nilai gred. Kursus tanpa gred masih dikira kreditanya dalam menentukan beban kerja kursus pada setiap semester (jika berkenaan).
- (c) Pendaftaran Audit iaitu pendaftaran kursus yang diikuti secara Audit. Kursus ini tidak akan dikira untuk menentukan purata nilai gred dan umumnya tidak diambil kira sebagai memenuhi keperluan program untuk mendapatkan Ijazah kecuali dinyatakan sebaliknya. Calon yang mengikuti kursus secara audit perlu memenuhi keperluan kursus.

Beban kerja kursus

23. (1) Seorang calon yang mengikuti pengajian selain dinyatakan di bawah perenggan 6(a) dibenarkan untuk mendaftar jumlah kursus dan kredit seperti berikut:

- (a) bagi calon sepenuh masa, minimum dua belas (12) kredit atau tiga (3) kursus hingga maksimum dua puluh (20) kredit atau lima (5) kursus pada setiap satu semester;
- (b) bagi calon separuh masa, tidak melebihi dua belas (12) kredit atau (3) tiga kursus pada setiap satu semester.

(2) Bagi program Sarjana Kerja Kursus Secara Bermodul, seorang calon dibenarkan untuk mendaftar jumlah kursus dan kredit seperti berikut:

- (a) bagi calon sepenuh masa, maksimum empat (4) kredit atau satu (1) kursus (tidak termasuk projek/disertasi) pada satu-satu masa; dan perlu menyelesaikan kesemua kursus dan projek/disertasi dalam masa minimum satu (1) tahun pengajian dan maksimum dua (2) kali ganda tempoh pengajian sepenuh masa yang diluluskan.
- (b) bagi calon separuh masa, maksimum empat (4) kredit atau satu (1) kursus (tidak termasuk projek/disertasi) pada satu-satu masa; dan perlu menyelesaikan kesemua kursus dalam masa minimum dua (2) tahun pengajian dan maksimum dua (2) kali ganda tempoh pengajian separuh masa yang diluluskan.
- (c) keseluruhan kredit yang diambil sepanjang pengajian adalah minimum 40 kredit.

(3) Bagi program Kedoktoran Kerja Kursus Secara Bermodul, seorang calon dibenarkan untuk mendaftar jumlah kursus dan kredit seperti berikut:

- (a) bagi calon sepenuh masa, maksimum enam (6) kredit (tidak termasuk projek/disertasi) pada satu-satu masa; dan perlu menyelesaikan kesemua kursus dan projek/disertasi dalam masa tempoh lazim tiga (3) tahun pengajian dan maksimum enam (6) tahun.
- (b) bagi calon separuh masa, maksimum enam (6) kredit (tidak termasuk projek/disertasi) pada satu-satu masa; dan perlu menyelesaikan kesemua kursus dalam masa tempoh lazim empat (4) tahun pengajian dan maksimum tujuh (7) tahun.
- (c) keseluruhan kredit yang diambil sepanjang pengajian adalah minimum 80 kredit.

(4) Kursus yang perlu diikuti bagi sesuatu program pengajian hendaklah didaftarkan dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh permulaan suatu semester, kecuali calon program Kerja Kursus Secara Bermodul.

(5) Bagi program tertentu atau bagi calon yang berada dalam semester akhir, Dekan/Pengarah boleh membenarkan pengecualian kepada had minimum dan maksimum pendaftaran kredit, kecuali calon program Kerja Kursus Secara Bermodul.

Keperluan program atau kursus

24. (1) Seorang calon yang mengikuti kursus yang didaftar hendaklah memenuhi keperluan kursus seperti yang ditetapkan oleh program bagi membolehkannya layak menduduki peperiksaan akhir (jika berkenaan).

(2) Seorang calon yang dinyatakan di bawah subperaturan 24(1) yang tidak dibenarkan mengambil peperiksaan akhir kerana tidak memenuhi keperluan kursus berkenaan akan

diberi gred E.

(3) Seorang calon yang dinyatakan di bawah perenggan 6(d) yang tidak dibenarkan mengambil peperiksaan akhir kerana tidak memenuhi keperluan program atau kursus yang berkenaan adalah dianggap gagal.

(4) Keputusan peperiksaan calon yang memenuhi keperluan kursus dan mengambil peperiksaan sesuatu kursus yang tidak didaftarkan tidak akan diambil kira untuk menentukan purata nilai gred.

Penyelidikan

25. (1) Calon yang mengikuti program Sarjana atau Kedoktoran di bawah perenggan 6 (a), boleh melakukan penyelidikan sama ada di Universiti atau secara tindakan/sangkutan di industri/institusi penyelidikan lain yang diiktiraf Universiti.

(2) Bagi calon luar negara, subperaturan 25(1) adalah terpakai secara bersama Peraturan 12.

Tambah kursus, gugur kursus dan tarik diri

26. (1) Calon boleh menambah dan menggugur kursus dalam tempoh empat (4) minggu pertama dalam setiap satu semester.

(2) Calon boleh menarik diri daripada mengikuti kursus mulai minggu kelima (5) sehingga minggu kesepuluh (10) dengan diberikan gred TD dan tidak akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred (jika berkenaan).

(3) Bagi program Kerja Kursus Secara Bermodul :

(a) Calon boleh mendaftar kursus dalam tempoh 30% pertama penyampaian kandungan kursus dalam setiap satu kursus.

(b) Calon boleh menggugur kursus dalam tempoh 40% pertama penyampaian kandungan kursus dalam setiap satu kursus.

(c) Calon dibenarkan untuk menggugurkan kursus selepas 40% sehingga selewat-lewatnya 70% pertama penyampaian kandungan kursus dalam setiap satu kursus dengan mendapat kelulusan Dekan/Pengarah dan dia dianggap sebagai menarik diri dan akan diberikan gred TD dan tidak akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred (jika berkenaan).

(4) Calon yang telah menarik diri di bawah subperaturan 26(2) dan 26(3)(c) tidak dikecualikan yuran pengajian dan hendaklah menjelaskan bayaran yuran penuh.

(5) Proses tambah dan gugur kursus hendaklah memenuhi keperluan jumlah kredit minimum dan maksimum yang perlu diambil pada setiap satu semester.

(6) Calon yang mendaftar sesuatu kursus tetapi tidak mengikutinya dan tidak memohon menggugurkannya akan diberi gred E bagi kursus itu.

Pemindahan kredit

27. (1) Calon yang berpindah daripada universiti luar yang diiktiraf oleh Senat dan telah mengikuti kursus tertentu boleh memohon untuk memindahkan sebahagian daripada kredit yang telah diperolehi bagi kursus yang setara dengan kursus yang perlu diikuti.

(2) Calon yang terlibat dalam program mobiliti keluar boleh memohon untuk memindahkan kredit yang telah diperolehi bagi kursus yang setara dengan kursus yang perlu diikuti.

(3) Kursus setara yang telah diambil itu hendaklah tidak melebihi tempoh lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti.

(4) Jumlah kredit maksimum yang boleh dipindahkan ialah sebanyak dua belas (12) kredit atau tiga (3) kursus dengan sekurang-kurangnya gred B atau setara dan tertakluk kepada bayaran pemrosesan yang ditetapkan.

(5) Permohonan untuk pemindahan kredit hendaklah dibuat secara bertulis beserta resit bayaran permohonan kepada Dekan/Pengarah seperti berikut:

(a) bagi permohonan subperaturan 27(1), selewat-lewatnya minggu keenam (6) pada semester pertama pengajian; dan

(b) bagi permohonan subperaturan 27(2), setelah melengkapkan program berkenaan.

(6) Gred untuk kredit yang dipindahkan akan diambil kira dalam menentukan purata

nilai gred.

Pengecualian kursus

28. (1) Seorang calon yang telah mengikuti kursus di Universiti atau universiti luar yang diiktiraf oleh Senat boleh memohon pengecualian kursus yang telah diperolehi yang setara dengan kursus yang perlu diikuti. Kelulusan pengecualian kursus ini adalah tertakluk kepada peraturan 27.

(2) Gred tidak diberikan untuk kursus yang dikecualikan dan tidak akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred.

(3) Permohonan untuk pengecualian kursus hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah pada semester pertama pengajian.

(4) Pengecualian tidak boleh diberikan kepada kursus daripada program pengajian yang gagal sebelum ini.

Tesis/Disertasi

29. (1) Dalam penyediaan tesis/disertasi, seorang calon hendaklah mematuhi syarat-syarat yang seperti berikut:

(a) Mengikut format penulisan dan penyediaan tesis/disertasi sebagaimana yang terdapat dalam buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Gaya UKM.

(b) Tidak mengemukakan tesis/disertasi yang telah diserahkan kepada Universiti atau universiti lain tetapi boleh memasukkan mana-mana bahagian daripada karya itu dengan syarat bahagian karya yang dimasukkan itu dirujuk dengan jelas;

(c) Tesis/disertasi pelajar hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

(d) Hasil penyelidikan yang ingin diterbitkan hendaklah mendapat persetujuan penyelia atau Jawatankuasa Penyelidikan;

(2) Walau apapun subperaturan 29(1)(c), tesis/disertasi boleh ditulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab dengan syarat mendapat kelulusan daripada Dekan/Pengarah.

(3) Calon boleh memohon kelulusan yang disebut dalam subperaturan 29(2) dengan membuat permohonan secara bertulis selewat-lewatnya pada semester kedua (2) bagi calon program Sarjana dan semester keempat (4) pengajian bagi calon program Kedoktoran.

(4) Semua tesis/disertasi yang ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab mesti didahului dengan abstrak Bahasa Melayu dan diikuti dengan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab (jika berkenaan).

(5) Had maksimum untuk disertasi program Sarjana hendaklah tidak melebihi enam puluh ribu (60,000) patah perkataan dan tesis program kedoktoran tidak boleh melebihi seratus ribu (100,000) patah perkataan.

(6) Had maksimum disertasi program Sarjana bagi calon yang mengikuti mod kerja kursus dan penyelidikan hendaklah tidak melebihi lima puluh ribu (50,000) patah perkataan.

(7) Had maksimum tesis program Kedoktoran bagi calon yang mengikuti mod kerja kursus dan penyelidikan hendaklah tidak melebihi enam puluh ribu (60,000) patah perkataan.

(8) Jumlah perkataan tidak termasuk catatan bawah, petikan, lampiran, rumus, jadual, gambarajah dan sebagainya.

(9) Had minimum perkataan adalah ditetapkan oleh pihak Fakulti/Institut dan kebenaran menulis tesis/disertasi melebihi had panjang yang telah ditetapkan boleh diperolehi dengan memohon kebenaran kepada Dekan/Pengarah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum menyerahkan tesis/disertasi untuk pemeriksaan.

(10) Semua tesis/disertasi dan penerbitan mengenai hasil penyelidikan calon adalah tertakluk kepada Dasar Harta Intelek Universiti Kebangsaan Malaysia.

Serahan tesis/disertasi

30. (1) Calon hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Dekan/Pengarah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum menyerahkan tesis/disertasi untuk pemeriksaan.

(2) Calon yang akan menyerahkan Notis Serahan Tesis/Disertasi untuk tujuan pemeriksaan hendaklah memenuhi keperluan program.

- (3) Calon yang akan menyerahkan tesis/disertasi untuk tujuan pemeriksaan hendaklah:
- (a) menyerahkan tesis/disertasi dalam bentuk digital dan bercetak mengikut bilangan yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut;
 - (b) menjelaskan yuran pemeriksaan tesis/disertasi ;
 - (c) memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Universiti; dan
 - (d) mendapat pengesahan bebas plagiat daripada Dekan/Pengarah.
- (4) Calon yang telah lulus Peperiksaan Lisan tesis/disertasi dan diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan setelah memenuhi semua syarat yang ditetapkan hendaklah menyerahkan tesis/disertasi dalam bentuk berjilid dan digital mengikut bilangan salinan naskah yang ditetapkan oleh Universiti kepada Fakulti/Institut.

Bentuk tesis/disertasi

31. Tesis/disertasi boleh disediakan sama ada dalam bentuk tesis/disertasi konvensional atau dalam bentuk tesis/disertasi kompilasi. Penyediaan tesis/disertasi bentuk tesis/disertasi kompilasi perlu mendapat kebenaran Fakulti/Institut dan tertakluk kepada Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Kompilasi.

Penasihat Akademik

32. Fakulti/Institut boleh melantik Penasihat Akademik untuk membimbing dan menasihati calon mengenai pengajiannya.

Penasihat Industri

33. Fakulti/Institut boleh melantik Penasihat Industri untuk membimbing dan membantu calon dalam bidang yang tertentu, termasuk penyelidikan.

Penyeliaan calon mod penyelidikan

34. (1) Penyelia bagi calon di bawah perenggan 6(a) dan 6(c) boleh terdiri daripada berikut:

- (a) Penyelia Utama; atau
- (b) kumpulan dua orang penyelia yang terdiri daripada seorang Penyelia Utama dan seorang Penyelia Bersama; atau
- (c) Jawatankuasa Penyeliaan yang terdiri daripada seorang Penyelia Utama sebagai Pengerusi dan lebih seorang Penyelia Bersama sebagai ahli.

(2) Semua penyelia yang dinyatakan dalam subperaturan 34(1) hendaklah dilantik oleh Dekan/Pengarah dan bertanggungjawab untuk menyelia dan membimbing penyelidikan, penulisan tesis/disertasi/laporan projek serta menilai prestasi kemajuan calon.

(3) Penyelia Utama hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

- (a) Bagi calon program Sarjana :
 - i. mempunyai kelayakan Ijazah Kedoktoran; atau
 - ii. jika seorang penyelia yang tidak mempunyai kelayakan yang diperlukan, penyelia wajib mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman pengajaran dan penyelidikan dalam bidang kepakaran yang berkaitan atau sebagai Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan.
- (b) Bagi calon program Kedoktoran :
 - i. mempunyai kelayakan Ijazah Kedoktoran; dan
 - ii. mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman pengajaran dan penyelidikan dalam bidang kepakaran yang

berkaitan dan pernah dilantik sebagai Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan.

(4) Seseorang guru yang dipinjamkan ke tempat lain, berhenti atau bersara dari Universiti, atau guru dari universiti lain, atau individu berkelayakan dari institusi/industri boleh dilantik sebagai Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan.

(5) Seseorang guru yang bercuti sabbatical tidak boleh dilantik (lantikan baru) sebagai Penyelia Utama sepanjang tempoh cuti sabbatical.

(6) Calon program Kedoktoran yang mengikuti pengajian mod 6(a) dan 6(c) perlu mempunyai sekurang-kurangnya dua orang penyelia yang terdiri dari seorang Penyelia Utama dan seorang Penyelia Bersama.

(7) Calon yang mengikuti pengajian mod 6(a) secara laluan industri perlu mempunyai Penyelia Bersama daripada industri tempat calon menjalankan penyelidikan.

(8) Tertakluk kepada perakuan Senat, Dekan/Pengarah boleh melantik guru yang disebut dalam subperaturan 34(4) sebagai Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan.

(9) Jika penyelia tidak dapat menjalankan tugasnya, maka Dekan/Pengarah hendaklah melantik seorang guru yang lain untuk menjalankan tugas itu bagi suatu tempoh yang dikira perlu.

(10) Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan boleh membuat permohonan penukaran dan/atau penambahan Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan secara bertulis kepada Dekan/Pengarah.

(11) Calon boleh membuat permohonan penukaran dan/atau penambahan penyelia dengan syarat calon memohon secara bertulis kepada Dekan/Pengarah tidak lewat dari tiga (3) semester untuk program Kedoktoran atau dua (2) semester untuk program Sarjana selepas pelantikan berkenaan dibuat.

(12) Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan hendaklah menyampaikan satu laporan kemajuan calon kepada Sekretariat/Jawatankuasa Siswazah Fakulti/Institut pada setiap semester sepanjang tempoh pengajiannya.

BAHAGIAN VI

PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

Peperiksaan dan penilaian bagi program Sarjana

35. (1) Penilaian calon yang mengikuti program Sarjana, mod pengajian di bawah perenggan 6(a) hendaklah mengandungi:
- (a) satu disertasi yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Luar dan sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam; dan
 - (b) Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan disertasi di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
- (2) Penilaian calon yang mengikuti program Sarjana, mod pengajian di bawah perenggan 6(b) hendaklah mengandungi:
- (a) peperiksaan dan/atau penilaian berterusan mengenai kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester; dan
 - (b) Peperiksaan Komprehensif (jika berkenaan).
- (3) Penilaian calon yang mengikuti program Sarjana, mod pengajian di bawah perenggan 6(c) hendaklah mengandungi:
- (a) Satu peperiksaan dan/atau penilaian berterusan mengenai kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester; dan
 - (b) Peperiksaan Komprehensif (jika berkenaan); dan
 - (c) satu disertasi yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam dan/atau Pemeriksa Luar; atau
 - (d) satu laporan projek sarjana yang akan diperiksa oleh seorang guru Universiti yang dilantik oleh Fakulti/Institut; dan
 - (e) Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan disertasi/laporan projek sarjana di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (jika berkenaan).
- (4) Peperiksaan calon yang mengikuti program Sarjana, di bawah mod pengajian perenggan 6(d) hendaklah mengandungi:
- (a) peperiksaan/laporan bertulis, lisan dan klinikal/praktikum mengenai kerja kursus yang diikutinya; dan
 - (b) satu disertasi/laporan projek sarjana yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Luar dan sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam (jika berkenaan); dan
 - (c) Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan disertasi/laporan projek sarjana di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (jika berkenaan)

Penilaian bagi program Kedokteran

36. (1) Penilaian calon yang mengikuti program Kedokteran, mod pengajian di bawah perenggan 6(a) hendaklah mengandungi :
- (a) satu tesis yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam dan sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Luar; dan
 - (b) Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
- (2) Penilaian calon yang mengikuti program Kedokteran, bagi calon mod pengajian di

bawah perenggan 6(a) secara laluan industri hendaklah mengandungi :

- (a) satu tesis yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam dan sekurang-kurangnya dua (2) orang Pemeriksa Luar yang salah seorangnya hendaklah dari industri ; dan
 - (b) Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
- (3) Penilaian calon yang mengikuti program Ijazah Kedoktoran, bagi calon mod pengajian di bawah perenggan 6(c) dan 6(d) hendaklah mengandungi :
- (a) peperiksaan dan/atau penilaian berterusan mengenai kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester atau sesi (jika berkenaan); dan
 - (b) Peperiksaan Komprehensif (jika berkenaan); dan
 - (c) satu tesis yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Luar dan sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam (jika berkenaan); dan
 - (d) Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (jika berkenaan)

Keputusan peperiksaan lisan

37. (1) Calon yang dinyatakan di bawah subperaturan 35(1) dan 36(1) adalah tertakluk kepada tempoh maksimum pembetulan disertasi/tesis yang diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.

(2) Tempoh maksimum pembetulan kali pertama adalah selama dua belas (12) bulan dan tempoh maksimum pembetulan kali kedua selepas Peperiksaan Lisan Ulangan adalah tiga (3) bulan.

(3) Bagi calon yang diberi tempoh maksimum pembetulan dua belas (12) bulan pada pemeriksaan kali pertama dikehendaki menyerahkan tesis yang telah diperbetulkan untuk tujuan pemeriksaan ulangan dan perlu melalui Peperiksaan Lisan Ulangan.

(4) Calon yang perlu melalui Peperiksaan Lisan Ulangan seperti yang disebut dalam subperaturan 37(3), perlu mendaftar dan dikenakan yuran pengajian.

(5) Calon yang gagal menyerahkan tesis dalam tempoh maksimum adalah dianggap gagal dan akan diberi status "Gagal dan Diberhentikan".

(6) Bagi calon yang diberi tempoh maksimum pembetulan tiga bulan (3) bulan pada pemeriksaan kali kedua dikehendaki menyerahkan tesis yang telah diperbaiki untuk tujuan pengesahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.

(7) Calon yang gagal untuk menyerahkan tesis dalam tempoh maksimum yang disebut dalam subperaturan 37(6) adalah dianggap gagal dan akan diberi status "Gagal dan Diberhentikan".

Pemeriksa Luar

38. (1) Pemeriksa Luar bagi calon program Sarjana, mod pengajian di bawah perenggan 6(a) hendaklah terdiri daripada guru yang dilantik oleh Senat untuk menilai pencapaian calon dan pemeriksa itu sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan seperti yang berikut:

- (a) memiliki Ijazah Kedoktoran;
- (b) telah menghasilkan graduan Sarjana;
- (c) mempunyai tiga tahun pengalaman dalam bidang penyelidikan berkaitan bermula dari tarikh penerimaan Ijazah Kedoktoran; dan
- (d) menunjukkan kecemerlangan akademik.

(2) Pemeriksa Luar bagi calon program Kedoktoran, mod pengajian di bawah perenggan 6(a) dan 6(c) hendaklah terdiri daripada guru yang dilantik oleh Senat untuk menilai pencapaian calon dan pemeriksa itu sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan seperti yang berikut:

- (a) seorang Profesor Madya;
- (b) memiliki Ijazah Kedoktoran;
- (c) telah menghasilkan graduan Doktor Falsafah;

- (d) mempunyai lima tahun pengalaman dalam bidang penyelidikan berkaitan bermula dari tarikh penerimaan Ijazah Kedoktoran;
 - (e) menunjukkan kecemerlangan akademik.
- (3) Pemeriksa Luar bagi calon program Sarjana Klinikal atau Kedoktoran Klinikal adalah dilantik oleh Fakulti/Institut dan telah diiktiraf sebagai 'doktor pakar' dalam bidang berkaitan terdiri daripada guru atau pakar bidang yang dilantik oleh mana-mana Senat daripada universiti lain atau institusi lain dan diperakukan oleh Senat.
- (4) Pakar bidang daripada industri/institusi lain yang akan dilantik sebagai Pemeriksa Luar hendaklah mempunyai pengalaman dalam bidang yang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun untuk pemeriksaan di peringkat Ijazah Sarjana atau lapan (8) tahun untuk pemeriksaan di peringkat Ijazah Kedoktoran.
- (5) Pemeriksa Luar yang dilantik hendaklah tidak mempunyai apa-apa hubungan dan/atau kepentingan dengan calon.

Pemeriksa Dalam

39. (1) Pemeriksa Dalam bagi calon program Sarjana dan Kedoktoran, di bawah perenggan 6(a) dan 6(c) hendaklah terdiri daripada guru dari Universiti dan dilantik oleh Dekan/Pengarah untuk menilai pencapaian calon seperti berikut:
- (a) bagi calon program Sarjana, Pemeriksa Dalam hendaklah sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana atau kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat dan berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.
 - (b) bagi calon program Kedoktoran, Pemeriksa Dalam hendaklah sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Kedoktoran atau kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat dan berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- (2) Pemeriksa Dalam bagi calon program Sarjana dan Kedoktoran di bawah perenggan 6(d) hendaklah dilantik mengikut bidang kepakaran dan diiktiraf sebagai 'doktor pakar' dalam bidang berkaitan oleh Dekan/Pengarah.

Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah

40. Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah adalah bertanggungjawab untuk menimbang keputusan peperiksaan calon yang mengikuti pengajian selain di bawah perenggan 6(a) dan jika berpuas hati memperakukan kepada Senat untuk pengurniaan Ijazah.

Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi

41. (1) Satu Jawatankuasa Peperiksaan Lisan tesis/disertasi bagi mod pengajian di bawah perenggan 6(a) dan 6(c) hendaklah dianggotai:
- (a) Seorang pengerusi yang terdiri daripada :
 - (i) seorang Profesor; atau
 - (ii) Profesor Madya Universiti;
 - (iii) Dekan/Pengarah atau wakilnya;
 - (iv) Pemeriksa Dalam; dan/atau;
 - (v) Pemeriksa Luar
- (2) Penyelia seseorang calon hanya boleh turut hadir sebagai pemerhati dalam sesi Peperiksaan Lisan calonnya.

Penilaian kerja kursus

42. (1) Pemberian nilai gred bagi setiap semester adalah untuk kerja kursus dan penilaian lain yang diadakan di sepanjang semester dan peperiksaan akhir semester.

(2) Gred dan nilai gred untuk kerja kursus akan diberikan penilaian seperti berikut:

Gred	Nilai Gred	Taraf
A	4.00	Lulus dengan cemerlang
A-	3.67	Lulus dengan cemerlang
B+	3.33	Lulus dengan kepujian
B	3.00	Lulus dengan kepujian
B-	2.67	Lulus
C+	2.33	Lulus
C	2.00	Lulus
C-	1.67	Gagal
D	1.00	Gagal
E	0.00	Gagal
L/K		Lulus/Kandas (bagi kursus tanpa gred)
TL		Tidak Lengkap
U		Audit
TD		Tarik Diri
SM		Sedang Maju
TP		Tanggung Peperiksaan
DK		Dikecualikan

(3) Gred tanpa nilai adalah seperti berikut:

(a) L/K (Lulus/Kandas) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan "Lulus" atau "Kandas" sahaja;

- (b) TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang tidak dapat melengkapkan keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Calon perlu melengkapkan keperluan tersebut sekurang-kurangnya dalam tempoh dua (2) minggu selepas pendaftaran semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan gred;
- (c) SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai tetapi kredit baginya hanya dikira untuk penentuan kredit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan Ijazah. Kredit dan nilai gred bagi kerja atau projek tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah kredit untuk keperluan Ijazah dan purata nilai apabila simbol SM digantikan dengan gred;
- (d) U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus itu tetapi nilai gred tidak diberikan dan U tersebut hanya direkodkan sekiranya calon lulus peperiksaan kursus itu;
- (e) TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang menarik diri bagi sesuatu kursus di antara minggu kelima (5) hingga minggu kesepuluh sesuatu semester dengan kebenaran Dekan/Pengarah tertakluk kepada peraturan 25;
- (f) TP (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah subperaturan 44(1). Peperiksaan gantian hendaklah diadakan dengan segera berdasarkan keadaan kesihatan calon;

(4) Pengiraan kredit dan purata nilai gred adalah seperti yang berikut:

- (a) Kursus yang didaftarkan secara wajib (W) akan diterima untuk pengiraan bagi memenuhi keperluan kredit. Kursus yang didaftar secara Audit (AU), tanpa gred (L/K) atau yang menerima gred Tidak Lengkap (TL), Sedang Maju (SM), Tarik Diri (TD) atau kursus yang digugurkan, tidak akan dimasukkan dalam pengiraan kredit;
- (b) Purata nilai gred akan ditentukan mengikut kaedah di bawah:
 - (i) Purata Nilai Gred Semester (PNGS) iaitu jumlah Nilai Gred (nilai gred x kredit kursus) untuk semua kursus dibahagi dengan jumlah kredit bagi semua kursus yang diikuti pada setiap satu semester;
 - (ii) Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) iaitu jumlah Nilai Gred (nilai gred x kredit kursus) untuk semua kursus dibahagi dengan jumlah kredit bagi semua kursus dalam semua semester yang telah diikuti;
- (c) Formula pengiraan bagi Purata Nilai Gred adalah seperti berikut:

$$PNG = \frac{\sum_{i=1}^n G U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

G_i : Nilai Gred Kursus ke i

U_i : Nilai Kredit Kursus ke i

n : Bilangan kursus yang telah diikuti

(5) Taraf pencapaian akademik dan syarat meneruskan pengajian adalah seperti yang berikut:

- (a) Taraf pencapaian akademik calon akan ditentukan mengikut PNGK pada satu tempoh pengajian dan ditentukan seperti berikut:

Purata Nilai Gred	Taraf Pencapaian	Kelayakan Meneruskan	Kelayakan Pengurniaan
----------------------	------------------	-------------------------	--------------------------

		Pengajian	Ijazah
PNGK 3.00	≥	Lulus	Layak
2.00 PNGK 3.00	≤ <	Lulus Bersyarat	Percubaan Tidak Layak
PNGK 2.00	<	Gagal dan Diberhentikan	Tidak Layak Tidak Layak

- (b) Calon hendaklah mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00 untuk setiap semester dan lulus semua kursus yang ditetapkan oleh program;
- (c) Seorang calon yang tidak dapat mencapai PNGK seperti yang dinyatakan dalam subperaturan 42(5)(b) akan diberi status “Lulus Bersyarat” pada semester berikutnya bagi meningkatkan prestasinya kepada sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada akhir semester tersebut;
- (d) Seorang calon yang tidak dapat meningkatkan prestasinya kepada sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada semester beliau diberi status “Lulus Bersyarat” akan diberhentikan daripada mengikuti program pengajiannya. Seseorang calon tidak akan diberi status “Lulus Bersyarat” untuk dua semester berturut-turut di sepanjang tempoh pengajiannya;
- (e) Seorang calon dibenarkan untuk mengulang kursus yang grednya B- atau ke bawah. Bagi kursus yang diulang, gred terakhir kursus tersebut akan diambilkira untuk tujuan pengiraan gred keseluruhan program walaupun gred yang diperolehi lebih rendah daripada yang sebelumnya.
- (6) Bagi Sarjana Kerja Kursus Secara Bermodul:
- (a) Calon hendaklah mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada akhir pengajian dan lulus semua kursus yang ditetapkan oleh program;
- (b) Seorang calon diberi status “Layak dikurniakan Ijazah” setelah lulus semua kursus seperti yang ditetapkan oleh program dengan mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada akhir tempoh maksimum pengajian.
- (7) Bagi Kedoktoran Kerja Kursus Secara Bermodul:
- (a) Calon hendaklah mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada akhir pengajian dan lulus semua kursus yang ditetapkan oleh program;
- (b) Seorang calon diberi status “Layak dikurniakan Ijazah” setelah lulus semua kursus seperti yang ditetapkan oleh program dengan mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada akhir tempoh maksimum pengajian.
- (c) Bagi Program yang menggunakan gred tanpa nilai seorang calon diberi status “Layak dikurniakan Ijazah” setelah lulus semua kursus seperti yang ditetapkan oleh program.

Penilaian kemajuan penyelidikan

43. Calon yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 6(a) boleh diberikan status “Gagal dan Diberhentikan” sekiranya calon itu memperoleh laporan kemajuan seperti berikut:

- (a) “dengan Ingatan” sebanyak empat (4) kali sepanjang tempoh pengajian; atau
- (b) “dengan Amaran” sebanyak dua (2) kali sepanjang tempoh pengajian; atau
- (c) gabungan dua (2) “dengan Ingatan” dan satu (1) “dengan Amaran” sepanjang tempoh pengajian; atau
- (d) “Gagal dan Diberhentikan” pada mana-mana semester.

Penangguhan peperiksaan

44. (1) Calon yang sakit atau menghadapi masalah kesihatan sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan/Pengarah untuk menangguh pengambilan peperiksaan berkenaan.
- (2) Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan bagi suatu kursus berkenaan hendaklah dibuat tidak lebih dari empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan kursus itu diadakan.
- (3) Permohonan untuk menangguhkan daripada menduduki peperiksaan semester atas sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan sijil sakit atau pengesahan daripada doktor yang merawat yang hendaklah terdiri daripada pegawai perubatan Kerajaan atau Universiti.
- (4) Suatu permohonan atas sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Dekan/Pengarah.
- (5) Peperiksaan gantian boleh diatur berdasarkan kepada merit kes tersebut.

Mengulang kursus atau pengajian atau menduduki peperiksaan khas

45. (1) Calon yang gagal dalam kursus wajib dikehendaki mengulangi kursus tersebut.
- (2) Calon di bawah perenggan 6(d) yang gagal mencapai tahap memuaskan untuk setiap satu tempoh penilaian hendaklah mengulang pengajian tempoh tersebut.
- (3) Calon yang berada di semester terakhir pengajian yang perlu melengkapkan kredit dibenarkan menduduki peperiksaan khas bagi tujuan memperoleh Ijazah. Peperiksaan khas hanya dibenarkan untuk satu kursus yang pernah diikuti. Permohonan
- (4) hendaklah dibuat kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh dua (2) minggu selepas pendaftaran semester terakhirnya.

Penukaran dari program Sarjana ke program Kedoktoran

46. (1) Calon yang mengikuti program Sarjana di bawah perenggan 6(a) boleh memohon untuk penukaran dari program Sarjana ke program Kedoktoran.
- (2) Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah, dengan perakuan Penyelia Utama/Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan selewat-lewatnya pada semester ketiga (3) pengajiannya.
- (3) Satu panel penilai hendaklah dianggotai :
- (a) Dekan/Pengarah atau wakilnya sebagai pengerusi; dan
 - (b) Ketua Jabatan/Pengerusi Pusat Pengajian atau wakilnya; dan
 - (c) tiga (3) orang guru Universiti dalam bidang berkaitan yang terdiri daripada Profesor atau Profesor Madya; dan
 - (d) Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan.
- (4) Panel Penilai bertanggungjawab untuk :
- (a) menilai cadangan penyelidikan dan pencapaian calon dalam sesi pembentangan, dan sekiranya dia layak, panel boleh memperakukan permohonan penukaran daripada program Sarjana kepada program Kedoktoran; dan
 - (b) memaklumkan secara bertulis tentang penukaran program pengajian calon hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Akademik.

Peperiksaan Komprehensif

47. (1) Calon program Sarjana atau Kedoktoran bagi program tertentu dikehendaki melengkapkan kerja kursus, kerja kursus dan praktikum atau kerja klinikal serta kajian kes dan/atau penyelidikan yang disyaratkan bagi melayakkan calon tersebut menduduki Peperiksaan Komprehensif.
- (2) Jawatankuasa Kecil Peperiksaan Komprehensif hendaklah ditubuhkan untuk mengendalikan semua kerja dan perkara yang berhubung dengan peperiksaan tersebut.

BAHAGIAN VII RAYUAN

Rayuan untuk semak semula keputusan peperiksaan akhir kursus

48. (1) Calon boleh membuat rayuan untuk semak semula keputusan peperiksaan akhir kursus yang telah diikutinya.
- (2) Permohonan rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh penyiaran rasmi keputusan peperiksaan dikeluarkan.
- (3) Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan 48(2) tidak akan dipertimbangkan.
- (4) Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan maklumat kursus yang diminta untuk disemak semula beserta dengan bayaran pemprosesan yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.
- (5) Dekan/Pengarah yang menerima permohonan rayuan perlu menubuhkan panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- (6) Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang guru Universiti selain pemeriksa asal.
- (7) Perakuan panel pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan Dekan/Pengarah dan keputusannya tertakluk kepada pengesahan Senat.
- (8) Keputusan yang disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak akan dipertimbangkan.

Rayuan untuk semak semula keputusan penilaian Peperiksaan Lisan tesis/disertasi

49. (1) Calon boleh membuat rayuan terhadap keputusan penilaian Peperiksaan Lisan tesis/disertasinya.
- (2) Permohonan rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu selepas tarikh penyiaran rasmi keputusan peperiksaan dikeluarkan.
- (3) Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan 49(2) tidak akan dipertimbangkan.
- (4) Setiap rayuan hendaklah menyatakan alasan munasabah untuk semakan semula beserta bayaran pemprosesan yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.
- (5) Dekan/Pengarah yang menerima permohonan rayuan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi. Jawatankuasa ini hendaklah dianggotai :
- (a) Seorang Profesor sebagai Pengerusi;
 - (b) Dua orang Profesor atau Profesor Madya dalam bidang berkaitan;
 - (c) Dua orang ahli lain bertaraf Profesor atau Profesor Madya; dan
 - (d) Penolong Pendaftar Fakulti/Institut sebagai urusetia.
- (6) Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi boleh menjemput Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi atau wakilnya untuk turut hadir bagi mendapatkan latar belakang keputusan Peperiksaan Lisan calon.
- (7) Keputusan Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan Dekan/Pengarah dan keputusannya tertakluk kepada pengesahan Senat.
- (8) Keputusan yang disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak akan dipertimbangkan.

Rayuan untuk meneruskan semula pengajian bagi calon di bawah perenggan 6(b) dan 6(c)

50. (1) Calon yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 6(b) dan 6(c) dan yang telah diberhentikan dari pengajian dan diberi status “Gagal dan Diberhentikan” boleh mengemukakan rayuan sekiranya memenuhi syarat berikut:
- (a) calon telah menunjukkan peningkatan prestasi akademik iaitu PNGK meningkat dan mencapai sekurang-kurangnya PNGK 2.90; dan
 - (b) calon boleh mengulang kursus untuk memperbaiki gred; dan
 - (c) calon berkemampuan memperoleh PNGK 3.0 selepas mengulangi kursus yang berkenaan.
- (2) Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh penyiaran rasmi keputusan peperiksaan dikeluarkan.
- (3) Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan 50(2) tidak akan dipertimbangkan.
- (4) Setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran pemprosesan yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.
- (5) Setiap permohonan rayuan yang diterima hendaklah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti/Institut untuk kelulusan Senat.
- (6) Keputusan Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.

Rayuan untuk meneruskan semula pengajian bagi calon di bawah perenggan 6(a)

51. (1) Calon di bawah perenggan (6)(a) yang diberhentikan daripada mengikuti program pengajian dan diberi status “Gagal dan Diberhentikan” boleh merayu untuk meneruskan pengajian tertakluk kepada persetujuan Penyelia Utama/Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan dan perakuan Dekan/Pengarah.

(2) Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh penyiaran rasmi keputusan dikeluarkan berdasarkan Laporan Kemajuan Calon.

(3) Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan 51(2) tidak akan dipertimbangkan.

(4) Setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran pemrosesan yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.

(5) Setiap permohonan rayuan yang diterima hendaklah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti/Institut untuk kelulusan Senat.

(6) Keputusan Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan..

Rayuan untuk meneruskan semula pengajian bagi calon di bawah perenggan 6(d)

52. (1) Calon yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 6(d) dan yang telah diberhentikan dari pengajian dan diberi status “Gagal dan Diberhentikan” boleh merayu untuk meneruskan pengajian dengan perakuan penyelia/Penyelaras Program/Ketua Jabatan tertakluk kepada peningkatan prestasi akademik calon yang diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

(2) Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh rasmi penyiaran dikeluarkan berdasarkan Laporan Kemajuan Calon.

(3) Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan 52(2) tidak akan dipertimbangkan.

(4) Setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran pemrosesan yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.

(5) Setiap permohonan rayuan yang diterima hendaklah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti/Institut untuk kelulusan Senat.

(6) Keputusan Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.

BAHAGIAN VIII SALAH LAKU PENYELIDIKAN

Salah laku penyelidikan

53. (1) Salah laku penyelidikan adalah perbuatan yang menyalahi etika penyelidikan seperti memfabrikasi, memalsu atau memplagiat dalam menghasilkan penulisan tesis, disertasi, laporan projek sarjana, kertas kerja, tugas dan hasil kajian secara sebahagian atau sepenuhnya seperti berikut:

- (a) fabrikasi adalah perlakuan untuk mewujudkan data, merekod atau melaporkan data/keputusan yang tidak wujud;
- (b) pemalsuan adalah perlakuan memanipulasi hasil penyelidikan atau proses atau menukar atau mengeluarkan data keputusan supaya hasil penyelidikan tidak mencerminkan hasil yang sebenarnya;
- (c) plagiarisme adalah perbuatan mengambil idea, proses, hasil dapatan, penulisan, gambar atau rajah tanpa merujuk sumber rujukan yang asal dan mengakui sebagai hasil kerja sendiri.

(2) Peraturan ini dibaca bersama Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2009 - Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan Dasar Etika dan Integriti Penerbitan dan Penulisan UKM.

(3) Salah laku penyelidikan tidak termasuk kesilapan '*suci hati*' atau perbezaan pendapat.

(4) Mana-mana aduan salah laku penyelidikan hendaklah dikemukakan kepada Dekan/Pengarah menggunakan borang yang ditetapkan Universiti.

(5) Aduan yang diterima di bawah subperaturan 53(4) akan dipertimbangkan oleh sebuah jawatankuasa bebas untuk menentukan kesahihan salah laku berkenaan.

(6) Calon yang didapati melakukan salah laku penyelidikan adalah tertakluk kepada tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 atau tindakan lain yang ditetapkan oleh Senat.

BAHAGIAN IX PENGURNIAAN IJAZAH

Syarat pengurniaan ijazah

54. (1) Bagi calon yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 6(a), hendaklah:
- (a) memenuhi semua kehendak peraturan ini;
 - (b) lulus pemeriksaan tesis dan Peperiksaan Lisan;
 - (c) memenuhi syarat penerbitan yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut;
 - (d) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut;
 - (e) memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti;

- (f) diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan untuk kelulusan Senat;
 - (g) telah memulangkan semua harta benda Universiti;
 - (h) telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan kepada Universiti.
- (2) Bagi calon yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 6(b) hendaklah:
- (a) memenuhi semua kehendak peraturan ini;
 - (b) mencapai PNGK akhir sekurang-kurangnya 3.00;
 - (c) menyempurnakan bilangan kredit seperti yang ditetapkan program;
 - (d) memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut;
 - (e) memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti;
 - (f) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah untuk kelulusan Senat;
 - (g) telah memulangkan semua harta benda Universiti;
 - (h) telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan kepada Universiti.
- (3) Bagi calon yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 6(c) hendaklah :
- (a) memenuhi semua kehendak peraturan ini;
 - (b) memenuhi keperluan komponen kursus dan komponen penyelidikan seperti yang ditetapkan program;
 - (c) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut;
 - (d) memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti;
 - (e) diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan untuk kelulusan Senat;
 - (f) telah memulangkan semua harta benda Universiti;
 - (g) telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan kepada Universiti.
- (4) Bagi calon yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 6(d) hendaklah :
- (a) memenuhi semua kehendak Peraturan-peraturan ini;
 - (b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan oleh program;
 - (c) memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti
 - (d) memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut;
 - (e) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah untuk kelulusan Senat;
 - (f) telah memulangkan semua harta benda Universiti;
 - (g) telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan kepada Universiti.

BAHAGIAN X

AM

Pemberhentian calon

55. (1) Senat berhak untuk mengambil tindakan yang wajar termasuk menggantung atau memberhentikan seseorang calon pada bila-bila masa jika calon didapati:
- (a) memberi maklumat palsu berkenaan kemasukannya atau sepanjang tempoh pengajiannya atau bagi tujuan mendapatkan Ijazah;
 - (b) dalam keadaan ketidakupayaan mental atau fizikal yang disahkan oleh

pakar perubatan;

- (c) mengacau ganggu atau mengancam penyelia dan urusetia siswazah;
- (d) menghubungi atau mengacau ganggu atau mengancam Pemeriksa Luar dan/atau Pemeriksa Dalam berhubung dengan penilaian tesisnya;
- (e) gagal mengekalkan prestasi akademik yang baik sepertimana yang ditetapkan Universiti;
- (f) melakukan salah laku penyelidikan;
- (g) melebihi tempoh pengajian yang dibenarkan di bawah subperaturan 8(1).

(2) Setiap calon adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa atau terpakai termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999, Dasar Harta Intelek Universiti Kebangsaan Malaysia 2010, Dasar Etika Integriti Penerbitan dan Penulisan Universiti Kebangsaan Malaysia dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dengannya.

Pelajar Tanpa Ijazah

56. Dekan/Pengarah diberi kuasa untuk menerima masuk seseorang sebagai Pelajar Tanpa Ijazah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Dekan/Pengarah.

Garis panduan

57. (1) Fakulti/Institut boleh membuat apa-apa garis panduan sebagaimana perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan peraturan ini dengan kelulusan Senat.
- (2) Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara garis panduan dan Peraturan ini, peruntukan garis panduan yang bercanggah itu hendaklah terbatal setakat percanggahan itu.

Pemakaian

58. Melainkan dengan jelasnya dinyatakan, tiap-tiap permohonan dan rayuan berkaitan yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah dikemukakan kepada Dekan/Pengarah.

Permulaan kuatkuasa

59. Peraturan-peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa terhadap semua calon berdaftar pada dan selepas tarikh berkuatkuasa peraturan-peraturan ini.

Kuasa Senat

60. Senat mempunyai kuasa untuk membuat, membatalkan atau meminda peruntukan Peraturan-peraturan ini atau mengeluarkan apa-apa arahan dari semasa ke semasa bagi maksud melaksanakan fungsi dan kewajipannya.

Pemansuhan

61. Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2011 adalah dimansuhkan.

PAUTAN / USEFUL LINKS

Sistem Maklumat Pelajar/ Student Information Portal (SMPWEB)

<https://smp.ukm.my/>

Portal Kewangan/ Financial Portal

<http://www.ukm.my/bendahari/portal-e-kewangan/>

Bantuan Kewangan/ Fiancial Aid

<http://www.ukm.my/pusatsiswazah/financial-aid/>

Penginapan Pelajar/ Student Housing

http://www.ukm.my/khidmatsiswa/?page_id=1921

Yuran /Fees

<http://www.ukm.my/portal/postgraduate/fees-postgraduate/>

Kaunseling Pelajar/ Student Counseling

http://www.ukm.my/khidmatsiswa/?page_id=1864

Pusat Kesihatan Universiti/ Health Centre

<http://www.ukm.my/pusatkesihatan/>

Perpustakaan/ Library

<http://www.ukm.my/ptsl/>

Program Pertukaran Pelajar/ Student Exchange Programme

<http://www.ukm.my/pha/mobility-2/outbound-mobility/>

Pas Pelajar / Student Pass

<http://www.ukm.my/pha/student-pass/procedures-for-entry-into-malaysia/>

Templat Tesis/ Disertasi Gaya UKM/ UKM Style Thesis/Dissertation Templates

<http://www.ukm.my/pusatsiswazah/templat-gayaukm/>

Senarai Kepakaran UKM/ UKM Expertise Directory

<http://www.experts.scival.com/ukm/>

<https://smk.ukm.my/pakar/>

<https://scholar.google.com.my/>

Facebook Rasmi UKM/ Official UKM Facebook

<https://www.facebook.com/UKMOfficial>

Instagram Rasmi UKM/ Official UKM Instagram

<https://www.instagram.com/ukminsta/>

Twitter Rasmi UKM/ Official UKM Twitter

https://twitter.com/ukm_my

Youtube Rasmi UKM/ Official UKM Youtube

<https://www.youtube.com/c/ukmtubes>

Jawatankuasa Penerbitan
Buku Panduan Siswazah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Sesi Akademik 2017-2018

Penasihat

Prof. Dr. Norman Mohd Saleh

Pror. Madya Dr. Sabri Mohamat Hassan

Pengerusi / Penyelaras

Prof. Madya Dr. Shahida Shahimi

Editor

Prof. Madya Dr. Tamat Sarmidi

Prof. Madya Dr. Sofiah Md Auzair

Prof. Madya Dr. Md Daud Ismail

Prof. Madya Dr. Noor Azuan Hashim

Pembantu Penerbitan

Muhamad Zailani Kemat

Rosidah Satari

Noorsyam Nordin

Nurmimi Edani Jamalludin

Nurul Hermilia Hamili